

**Membersihkan Salah Faham
Terhadap Dakwah
Syaikh Muhammad bin Abdul
Wahhab
(Buku 2)**

Oleh
Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd. al-
Lathif

Judul Asal:

دعاوى المناوئين لدعوة الشيخ محمد بن عبد الوهاب

Pengarang:

عبد العزيز بن محمد بن علي العبد اللطيف

Judul Edisi Terjemahan:

Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab (Buku 2)

Penterjemah:

Mohammad Amin Yaacob

Penyunting:

Hafiz Firdaus Abdullah
(www.al-firdaus.com)

Cetakan Pertama: 2007

© **Mohammad Amin Yaacob & Hafiz Firdaus Abdullah**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim,
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

jahabers@tm.net.my

jahabers@starhub.net.sg

Kandungan

Bahagian Kedua:

Dakwaan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab seorang yang berfahaman *Musyabbihah* dan *Mujassamah*. 5

Bahagian Ketiga:

Tuduhan Palsu Bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad 'Abd. al-Wahhab Menafikan "Karamah" Para Wali (*Awliya*) Allah. 55

Bahagian Keempat:

Persoalan kafir-mengkafir (*al-Takfir*) serta peperangan (*al-Qital*), beserta jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya. 93

Perbahasan Pertama:

Pembohongan serta tuduhan palsu para penentang terhadap al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab di dalam persoalan kafir-mengkafir beserta jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya. 101

Bahagian Kedua

Dakwaan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab seorang yang berfahaman *Musyabbihah* dan *Mujassamah*.¹

Para penentang dakwah *al-Salafiyah* melemparkan tuduhan terhadap al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya

¹ Tuduhan bahawa al-Syeikh al-Imam seorang yang berfahaman *musyabbihah* (kelompok yang menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk – penterjemah) serta *mujassamah* (kelompok yang mengandaikan Tuhan itu bertubuh atau berjisim seperti makhluk –penterjemah) banyak di dapati dalam hasil karya para penentang. Apa yang mereka maksudkan dengan istilah *musyabbihah* serta *mujassamah* ini ialah *al-takyif* (bertanya tentang *kaif* iaitu bagaimana hakikat bentuk sifat-sifat Allah –penterjemah) serta *al-tamthil* yang mempunyai pengertian yang sama dengan *al-tasybih* (iaitu menyamakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk -penterjemah).

Dalam hal ini para penentang sedia maklum bahawa lafaz *al-tajsim* ialah suatu bentuk lafaz yang tidak terdapat dalam al-Qur'an serta hadith. Oleh itu tidak perlu untuk sama ada untuk menetapkan atau menafikannya (dalam permasalahan ilmu Tawhid -penterjemah). Namun sudah sedia maklum bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* Maha Suci dari *al-tajsim* serta apa sahaja yang berkait dengan menyamai sifat-sifat makhluk. Dalam hal ini, penggunaan lafaz *al-Jism* perlu dilihat kepada orang yang menggunakannya. Jika maksud penggunaannya benar sebagaimana terdapat dalam perbincangan yang berkait dengan ilmu *fiqh* maka ia diterima. Adapun jika penggunaannya menjurus kepada maksud yang salah dengan mengertikannya sebagai 'tubuh badan' (dengan menyandarkannya kepada Tuhan –penterjemah) sebagaimana tuduhan para penentang terhadap al-Syeikh al-Imam sebagai seorang yang berfahaman *Mujassam*, maka ditolak penggunaan kata-kata ini terhadap si-penuturnya kerana terserlah kejahilannya dengan menyalahgunakan istilah *al-Jism* terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

dengan menuduh mereka berfahaman *al-Tajsim* serta *al-Tasybih*. Namun secara realiti, kebencian para penentang ini hanya disebabkan golongan *al-Salafiyyah* mensifatkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan apa yang Dia sifatkan Diri-Nya serta apa yang disifatkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* terhadap Diri-Nya iaitu tanpa *tahrif, ta'til, takyif* mahupun *tamthil*.

Sebagaimana dalam bab pertama, kami memperjelaskan terlebih dahulu i'tikad (pegangan) al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab terhadap *Asma'* Allah serta sifat-sifat-Nya diikuti dengan i'tikad para pendokong dakwahnya.

Sepanjang pemerhatian teliti yang dilakukan, kami dapati bahawa al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya amat berhati-hati dalam memperbincangkan perkara yang berhubung dengan *al-Asma'* serta *al-Sifat* Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ini disebabkan ia mempunyai kaitan rapat dengan *Tawhid al-Uluhiyyah*² yang wajib diketahui setiap yang akil baligh (*mukallaf*) serta merupakan anak kunci kepada dakwah para Rasul *'alayhimussolatu wassalam*.

Oleh itu mereka tidak lalai dari memperjelaskan *Tawhid al-Asma'* serta *al-Sifat* sebagaimana yang ditetapkan para *al-Salaf al-Soleh* berdasarkan kepada al-Qur'an serta hadith-hadith yang sahih. Ini dilakukan khususnya ketika mana dakwah *al-Islahiyyah* yang dibawa oleh golongan Salafi belum tersebar di

² Diketahui umum bahawa mengithbat(menetapkan)kan *Tawhid al-Asma'*serta *al-Sifat* terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* tidak boleh lari dari menetapkan bersama-sama *Tawhid al-Uluhiyyah*.

luar negeri Najd. Ketika itu keadaan di Najd sendiri masih bebas dari penyelewengan dalam perkara *al-Asma'* serta *al-Sifat* walaupun berlakunya penyelewengan dalam perkara ibadat serta *Tawhid al-Uluhiyyah*.

al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan mengulas sikap penduduk Najd dalam persoalan *al-Asma'* serta *al-Sifat* seperti berikut:

Segala puji bagi Allah, negeri kami dalam hal ini bebas dari golongan yang melakukan perkara *bid'ah* dalam perkara *al-Asma'* serta *al-Sifat*.³

Namun apabila dakwah *al-Salafiyyah* tersebar luas di luar Najd, penjelasan yang lebih teliti diperlukan bagi memperjelaskan tawhid ini. Antara motifnya ialah wujud sekian banyak penyelewengan *al-Asma'* serta *al-Sifat* di kebanyakan negara kaum Muslimin.

I'tikad al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab terhadap Tawhid *al-Asma'* serta *al-Sifat*.

Dalam menetapkan pegangan terhadap tawhid ini al-Syeikh al-Imam dengan jelasnya berkata seperti berikut:

Apa yang dikatakan beriman kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*: ia merujuk kepada beriman kepada apa yang Dia sifatkan diri-Nya menerusi Kitab-Nya yang disampaikan menerusi lidah Rasul-Nya *sallallahu 'alayhi wa sallam* tanpa

³ Sila lihat *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 9, hlm. 164.

*tahrif*⁴ serta *ta'til*⁵. Bahkan aku beriman bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* itu:

"Tidak ada sesuatu yang menyerupainya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat" (al-Syura 42:11)

Aku tidak menafikan apa yang Allah sifatkan tentang diri-Nya, Aku tidak mengubah Kalam-Nya dari kedudukan maknanya yang sebenar serta tidak pula menjatuhkan diriku ke dalam kesesatan berhubung dengan segala *Asma'* dan sifat Allah. Aku tidak menyerupakan sifat Allah dengan makhluk-Nya kerana Dia tidak menyerupai makhluk-Nya serta tidak ada makhluk yang boleh menyerupai serta dibandingkan dengan-Nya.

Maha Suci Allah yang Maha Mengetahui tentang diri-Nya serta sekalian makhluk-Nya. Maha Benar segala firman-Nya dan Maha Sempurna segala perkhabaran-Nya. Allah Memahasucikan diri-Nya mengatasi segala yang disifati makhluk-Nya (terhadap diri-Nya -penterjemah) di kalangan ahli *takyif* dan *tamthil* serta penafian ahli *tahrif* dan *ta'til*. Dalam hal ini Allah berfirman:

"Maha suci Tuhanmu yang mempunyai keperkasaan dari apa yang mereka katakan. Dan kesejahteraan dilimpahkan atas para rasul" (al-Saffat 37:180-181)

Aku berpegang bahawa al-Qur'an itu Kalam serta

⁴ *Tahrif* bermaksud meminda serta merosakkan makna yang sedia ada pada *al-Asma'* serta *al-Sifat* Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

⁵ *Ta'til* bermaksud memberikan penjelasan tertentu sehingga membawa kepada menafikan sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Wahyu Allah yang tidak diciptakan (bukan makhluk) dimana ia datang daripada-Nya dan akan kembali kepada-Nya. Menerusi al-Qur'an, Allah Berkata-kata secara hakikat serta mewahyukannya kepada hamba-Nya serta Rasul-Nya yang terpercaya (*amin*) Nabi kita Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*.⁶

al-Syeikh al-Imam dalam penjelasannya terhadap *Tawhid al-Asma'* serta *al-Sifat* seterusnya berkata:

Adapun terhadap firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

Katakanlah: Dialah Allah, Yang Maha Esa. (al-Ikhlâs 112:01)

Hakikatnya ia merujuk kepada keesaan mutlak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan menafikan segala sekutu-sekutu sama ada dengan pengertian anak, bapa dan sebagainya. Ia juga bermaksud menafikan bandingan, penyerupaan, persamaan dengan mengithbatkan (menetapkan) kesempurnaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang Maha Suci dari disekutukan...⁷

al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan *rahimahullah* memuji moyangnya al-Syeikh al-Imam dengan sebaik-baik pujian. Ini tidak lain kerana kesejahteraan serta kesempurnaan pegangan moyangnya yang berittiba' (mengikuti) sepenuhnya pegangan para *al-Salaf al-Soleh* dalam perkara *al-Asma'* serta *al-Sifat*. al-Syeikh 'Abd. al-Latif berkata:

al-'allah al-Mujaddid mempunyai ilmu yang mendalam terhadap perkara *al-Asma'* serta *al-Sifat* sehingga mengetahui

⁶ Sila lihat *Majmu'ah Muallifat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 8.

⁷ Sila lihat *Majmu'ah Muallifat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 8.

pegangan yang batil serta merosakkan berhubung dengannya. Ini tidak lain kerana begitu kasihnya beliau kepada pegangan para *Salaf al-Soleh* sehingga beliau mengambil daripada pengetahuan mereka terhadap pokok-pokok agama (akidah) yang antara lain berkait perkara *ma'rifat* Allah dengan segala sifat-sifat kesempurnaan-Nya serta kebesaran-Nya. Beliau mensifatkan Allah dengan apa yang Dia sifatkan diri-Nya serta apa yang disifatkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* tentang diri-Nya. Ini dilakukan tanpa melakukan sebarang penambahan serta tanpa *tahrif*, *takyif* serta *tamthil*.⁸

Pengarang *Jawab al-Jama'ah* menyebutkan tentang pegangan al-Syeikh al-Imam dalam perkara *al-Asma'* serta *al-Sifat*. Ia seperti berikut:

al-Syeikh al-Imam dalam perkara akidah berpegang dengan pegangan *al-Firqah al-Najiyah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Beliau beriman bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

"Tidak ada sesuatu yang menyerupainya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat" (al-Syura 42:11)

Beliau tidak menafikan apa yang Allah sifatkan diri-Nya serta tidak mengubah Kalamnya dari kedudukan maknanya yang sebenar. Beliau juga tidak menjatuhkan dirinya ke dalam kesesatan berhubung dengan segala *Asma'* dan sifat Allah serta tidak menyamakan serta memberi bandingan terhadap sifat Allah dengan sifat makhluk-Nya.⁹

Berdasarkan keterangan di atas, secara realiti pegangan

⁸ Sila lihat *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 3, hlm. 156-157.

⁹ Sila rujuk *Jawab al-Jama'ah*, hlm. 194.

akidah al-Syeikh al-Imam hakikatnya bersamaan dengan pegangan akidah para *al-Salaf al-Soleh* terdahulu dengan mensifatkan Allah dengan apa yang Allah sifatkan diri-Nya serta apa yang Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sifatkan terhadap Diri-Nya tanpa melakukan apa-apa *tahrif, ta'til, takyif* serta *tamthil*.

Adapun terhadap pegangan para pendokong dakwah al-Syeikh al-Imam terhadap permasalahan *al-Asma'* serta *al-Sifat* ini, kami akan menyatakannya seperti berikut:

Pertama: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Beliau menyatakan pegangan para pendokong dakwah al-Syeikh al-Imam ketika memasuki kota Mekah pada tahun 1218H. Ia seperti berikut:

Adapun madzhab kami dalam *Usul al-Din* (akidah) adalah madzhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Jalan (*Tariqah*) kami adalah jalan *al-Salaf* iaitu jalan yang selamat, sejahtera, lebih baik serta lebih menepati kebenaran. Ia menyalahi golongan yang mengatakan jalan *al-Khalaf* ialah jalan yang lebih menepati kebenaran.¹⁰

Beliau menghuraikan lebih lanjut kenyataan di atas dengan katanya:

Adapun pegangan kami adalah perkara yang dikehendaki Allah ke atas kami. Ia adalah madzhab *Salaf al-*

¹⁰ Sila rujuk *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 1, hlm. 126.

Soleh serta para pemimpin mereka di kalangan para sahabat *radiyallahu 'anhum* serta para *tabi'in*. Bagi mereka segala kebaikan. Termasuk di kalangan mereka itu imam empat madzhab serta tokoh-tokoh terkemuka lainnya. Semoga Allah meredhai mereka sekaliannya. Berdasarkan pegangan mereka, maka kami beriman serta menetapkan apa yang *thabit* di dalam al-Qur'an serta hadith tanpa *tasybih*, *tamthil* serta *ta'til*. Jalan mereka menetapkan i'tikad seperti berikut:

Mereka beriman dengan sifat-sifat Allah, *Asma'*-Nya sebagaimana Allah sifatkan diri-Nya di dalam al-Qur'an atau menerusi lisan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ini dilakukan tanpa apa-apa penambahan terhadapnya, mengurangkannya, melampauinya, mentafsirkannya, mentakwilkannya dengan apa yang bercanggah dengan zahirnya ataupun menyerupakannya dengan sifat makhluk serta memperkatakan sesuatu tentangnya dengan apa yang tidak diperintahkan. Sebaliknya, mereka menerima segala keterangan al-Qur'an serta hadith berkenaan *Asma'* dan *al-Sifat* sebagaimana asalnya dengan menyerahkan pengetahuan serta kedudukan hakikinya kepada Allah yang menyatakannya.

Ketahuilah, mereka sentiasa berpesan-pesan antara satu sama lain supaya *berittiba'* dengan golongan terdahulu dari mereka serta mengambil sikap mendiamkan diri sebagaimana golongan terdahulu mendiamkan diri. Sehubungan hal ini, mereka amat berhati-hati supaya tidak melampaui serta menyalahi pegangan serta jalan yang ditunjukkan golongan terdahulu serta tidak lupa menyampaikannya kepada kami. Kesannya kami juga berhati-hati dari terbabit mengikuti jalan-jalan yang menyeleweng sebagaimana menjadi amalan

golongan ahli *bid'ah*.¹¹

al-Syeikh 'Abd. Allah seterusnya menyebutkan dengan jelas kaedah sebenar memahami *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat*. Ia seperti berikut:

Berdasarkan keterangan agama serta logik akal, adalah suatu yang pasti bahawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* mengeluarkan manusia dengan izin Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dari kegelapan kepada cahaya kebenaran. Ini dilakukannya menerusi al-Qur'an serta *al-Hikmah* yang diturunkan kepadanya supaya dia berhukum dengannya di antara manusia dengan apa yang mereka perselisihkan. Dengan itu, tidak ada sebarang keraguan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* menyeru manusia kepada Allah menerusi jalan-Nya dengan izin Tuhan-Nya.

Allah mengkhabarkan bahawa Dia melengkapkan kepada Rasul serta umat-Nya agama serta nikmat-Nya. Oleh itu sudah pasti Allah tidak meninggalkan urusan beriman kepada-Nya dalam keadaan yang meragukan sehingga menimbulkan seribu satu macam persoalan. Ia sama ada berkaitan dengan apa yang diwajibkan, diharuskan serta diharamkan Allah berhubung dengan *al-Asma' al-Husna* serta terhadap sifat-sifat-Nya yang Maha Tinggi. Di mana mengenali perkara ini merupakan asas-asas kepada agama, hidayah serta yang pertama diwajibkan untuk diketahui.¹²

Kami mengakhiri kata-kata al-Syeikh 'Abd. Allah bin

¹¹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 1, hlm. 48.

¹² *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 1, hlm. 52.

Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dengan menyatakan ringkasan pegangan madzhab *al-Salaf al-Soleh* berdasarkan kitabnya *Jawab Ahl al-Sunnah fi Naqd Kalam al-Syi'ah wa al-Qadariyah*. Ia seperti berikut:

Madzhab al-Salaf rahmat Allah 'alayhim: Mereka menetapkan sifat-sifat Allah secara zahir dengan menafikan sebarang kaifiat (bagaimana realiti sebenar -penterjemah) terhadapnya. Ini adalah kerana membicarakan al-Sifat adalah sama seperti membicarakan al-Dzat. Oleh itu sebagaimana kita menetapkan al-Dzat dengan hanya menetapkan wujud-Nya bukannya menetapkan kaifiat begitu juga dengan sikap kita terhadap al-Sifat dengan hanya menetapkan adanya tanpa diikuti dengan sebarang kaifiat. Dalam hal ini golongan al-Salaf al-Soleh tidak pernah menetapkan sebarang kaifiat terhadap sifat-sifat Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Oleh itu jika kami memperkatakan apa yang tidak ditetapkan golongan al-Salaf al-Soleh maka kami terbabas dari landasan yang betul.¹³

Kedua: al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta al-Syeikh Hammad bin Nasir bin Mu'ammarr.

Mereka berdua, *rahimahumullah*, ditanya berkenaan ayat-ayat *al-Sifat* yang termaktub di dalam al-Qur'an serta hadith. Di antaranya seperti berikut:

Tuhan Yang Maha Pemurah, Yang bersemayam di atas Arash. (Taha 20:5)

Dan supaya kamu di asuh di bawah pengawasan

¹³ Sila lihat *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 1, hlm. 101.

mata-Ku. (Taha 20:39)

Aku mendengar dan melihat. (Taha 20:46)

Tetapi kedua tangan Allah terbuka. (al-Maidah 5:64)

Yang telah Ku-ciptakan dengan kedua tangan-Ku.
(Shaad 38:75)

Dan datanglah Tuhanmu; sedang malaikat berbaris-baris. (al-Fajr 89:22)

Bumi seluruhnya dalam genggamannya pada hari kiamat. (az-Zumar 39:67)

Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *Hati orang mukmin itu di antara dua jari-jari daripada jari-jari al-Rahman.*¹⁴ Dalam hadith lain: *Sesungguhnya Tuhan kamu ketawa.*¹⁵ Hadith lain: *Hingga (Tuhan -penterjemah) meletakkan salah satu Kaki-Nya kedalamnya maka berkata ia: cukuplah! cukuplah!*¹⁶

Serta selainnya dari ayat-ayat al-Qur'an serta hadith sehingga tidak cukup ruangan untuk menyatakan kesemuanya. Namun bagaimana untuk memahami sekalian ayat serta sabda ini?

Maka jawabannya:

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Maka

¹⁴ Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi. Menurutnya ia adalah hadith *hasan*.

¹⁵ Dikeluarkan oleh al-Bukhari. Manakala Muslim menerusi maknanya dengan lafaz yang bermaksud: Allah ketawa terhadap dua orang lelaki di mana salah seorang membunuh yang satu lagi namun kedua-duanya masuk syurga.

¹⁶ Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

ulasan kami terhadapnya: Ia sebagaimana yang dikatakan Allah dan Rasul-Nya serta apa yang dikatakan para *Salaf al-Ummah* serta pimpinan mereka di kalangan para sahabat *radhiyallahu 'anhum*. Dimana kami mengikuti mereka dengan penuh kebaikan. Ia adalah penetapan serta beriman kepadanya tanpa sebarang *tahrif, ta'til, takyif* serta *tamthil*. Sehubungan hal ini, salah seorang tokoh *al-Salaf al-Soleh* bernama Imam Malik pernah ditanya tentang ayat:

Tuhan Yang Maha Pemurah, Yang bersemayam di atas Arash. (Taha 20:5)

Apabila ditanya bagaimana Tuhan *beristiwa*? Imam Malik dengan nada marahnya menjawab terhadap persoalan yang tidak patut ditanya:

"*al-Istiwa'* tidak diketahui keadaan sebenarnya (*ghair majhu*), *kaifiatnya* juga tidak dapat dicapai akal fikiran (*ghair ma'qul*). Adapun beriman dengannya wajib manakala bertanyanya tentangnya *bid'ah* hukumnya."

Setelah menjawab persoalan ini, Imam Malik mengarahkan supaya lelaki yang bertanya tadi supaya dihalau keluar dari majlisnya. Dalam hal ini, sudah memadai serta melengkapi jawapan Imam Malik berhubung dengan sifat *al-Istiwa'* Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Maka kita hendaklah mengambil sikap seperti Imam Malik dalam memahami sifat-sifat Allah sama ada yang berkait dengan persoalan *al-Istiwa'* ataupun sifat-sifat Allah yang lain seperti *al-Nuzul* (Turun), *Maji'* (Datang), *al-Yad* (Tangan) dan *al-Wajh* (Muka).

Jawapan terhadap persoalan ini ialah dengan mengungkapkan kata-kata Imam al-Malik seperti berikut: "Ia

(sifat-sifat Allah) tidak diketahui keadaannya (*ghair majhu*), *kaifatnya* juga tidak dapat dicapai akal fikiran (*ghair ma'qul*). Adapun beriman dengannya wajib manakala bertanya-tanya tentangnya *bid'ah* hukumnya."¹⁷

Ketiga: al-Syeikh Hammad bin Nasir bin Mu'ammār.

Beliau mengarang sebuah risalah yang amat bernilai dengan disertakan penjelasan lengkap serta kukuh akidah *al-Salaf al-Soleh*¹⁸ terhadap *al-Asma'* serta *al-Sifat*. Ia seperti

¹⁷ Sila lihat *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 3, hlm. 175.

¹⁸ Dalam hal menetapkan risalah ini sebagai hasil karya al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammār, kami dapati disepanjang pemerhatian yang dilakukan, sebahagian dari para pengarang telah melakukan beberapa kesilapan.

Ini merujuk kepada kesilapan menyandarkan sebahagian hasil karya al-Syeikh Hammad bin Nasir bin Mu'ammār al-Najdi kepada al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Hazimi al-Yamani. Untuk pengetahuan umum, al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammār meninggal pada tahun 1225H manakala al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Hazimi al-Yamani meninggal pada tahun 1283H.

Di antara yang terkeliru dengan perkara ini ialah Sadiq bin Hassan al-Qanuji berdasarkan kitabnya *Abjad al-'Ulum*, Jil. 3, hlm. 200. Beliau mengatakan bahawa al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Hazimi al-Yamani mengarang dua buah risalah iaitu *Risalah fi Ithbat al-Sifat* dan *Risalah fi Musyajarah Bayna Ahl Makkah wa Ahl Najd*.

Tokoh kedua yang terkeliru ialah al-Zarkali pengarang kitab *al-A'lam* yang turut berpegang dengan pendapat al-Qanuji. al-Zarkali menyatakan bahawa kedua-dua risalah tersebut terdapat di *Khazanah al-Ribat*.

Namun apabila penulis membuat penelitian terhadap *Risalah fi Ithbat al-Sifat* setelah berjaya memiliki salinan naskah tersebut dari perpustakaan al-Kattaniyyah, *Khazanah al-Ribat* hakikatnya ia merupakan hasil penulisan al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammār bukannya al-Syeikh Muhammad bin

berikut:

Adapun Syeikh kami¹⁹ serta para pendokongnya, (mereka) mensifatkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan apa yang Dia sifatkan Diri-Nya, serta apa yang disifatkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ini dilakukan tanpa melampaui apa yang terkandung di dalam al-Qur'an serta hadith yang sahih. Dalam hal ini, mereka adalah golongan *muttabi'un* bukan *mubtadi'un*, ahli *kaifiat*, *musyabbihah* serta ahli *ta'til*. Sebaliknya mereka meng*ithbatkan* (menetapkan)

Nasir al-Hazimi al-Yamani. Kenyataan ini diperkuatkan menerusi kewujudan risalah ini di dalam *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 3, hlm. 208-262 walaupun tidak didapati di dalam kitab *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyyah*. Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan yang diketahui umum bahawa al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammam adalah anak murid kepada al-Syeikh al-Imam serta kenyataan al-Syeikh Sulayman al-Soni' yang didapati di perpustakaan Universiti al-Malik Sa'ud menyandarkan risalah-risalah tersebut sebagai hasil karya al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammam.

Selain itu kami mendapati risalah tersebut (*Risalah fi Ithbat al-Sifat – penterjemah*) dalam bentuk manuskrip tulisan tangan di perpustakaan al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin Salih bin Mursyid dengan tajuk *Mu'taqid al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab* dan disebutkan nama pengarangnya sebagai al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammam, begitu juga dengan risalah *Risalah fi Musyajarah Bayna Ahl Makkah wa Ahl Najd* di mana pengarang sebenarnya ialah al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammam namun dengan menggunakan nama lain bertajuk *al-Fawaqih al-'Azab fi al-Radd 'ala Man Lam Yahkum al-Sunnah wa al-Kitab*. Ia merupakan risalah hasil perbincangan al-Syeikh Hammad Bin Nasir bin Mu'ammam dengan para ulama' Mekah pada tahun 1211H. Dalam hal ini 'Umar al-Kahalah pengarang *Mu'jam al-Muallifin* (Jil. 12, hlm. 72) juga turut terkeliru kerana menyandarkan risalah ini kepada al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Hazimi. *Wallahu 'alam*.

¹⁹ Merujuk kepada al-Syeikh al-Imam.

segala sifat-sifat Allah yang termaktub di dalam al-Qur'an serta Sunnah yang sahih tanpa sebarang *tasybih* serta *ta'til*.

Bagi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dzat diri-Nya secara hakikat mengatasi segala bentuk *pentasybihan dzat*. Begitu juga bagi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sifat-sifat diri-Nya secara hakikat mengatasi segala bentuk *pentasybihan al-Sifat*. Ini merupakan pegangan *Salaf al-Ummah* yang menyalahi pegangan golongan *musyabbihah* serta golongan sesat lainnya.²⁰

Dalam menetapkan *Tawhid al-Asma'* serta *al-Sifat* berpandukan kepada surah *al-Ikhlash*, al-Syeikh Muhammad bin Nasir bin Mu'ammam berkata:

Antara isi kandungan surah *al-Ikhlash* ialah tawhid pada i'tikad serta makrifat. Wajib bagi kita mengi'tikadkan keesaan serta ketunggalan Allah dengan menafikan segala unsur-unsur syirik. Selain itu Allah selama-lamanya bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan dengan tidak wujud padanya sebarang bentuk kekurangan. Dalam hal ini, hendaklah dinafikan konsep anak mahupun bapa yang biasa dikaitkan (penganut kristian -penterjemah) terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Hendaklah dinafikan juga konsep bandingan dengan disertakan penafian terhadap *al-tasybih* serta *al-tamthil*.

Inilah dia himpunan asas-asas tawhid serta i'tikad yang amat jelas dalam menghadapi golongan penyesat serta golongan syirik.²¹

²⁰ Sila lihat *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 3, hlm. 235 serta 208.

²¹ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 1, hlm. 48

Keempat: Pengarang kitab *al-Tawdhih 'an Tawhid al-Khallaq.*

Beliau menyebutkan sikap pertengahan golongan *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* dengan kumpulan-kumpulan lain. Ia seperti berikut:

Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah adalah golongan pertengahan di antara golongan *ta'til* yang melakukan penyelewengan besar terhadap *Asma'* serta sifat Allah. Ini kerana mereka meninggalkan kebenaran apa yang Allah sifatkan terhadap diri-Nya sehingga ke peringkat menyerupakan Allah dengan benda mati serta makhluk lain-Nya. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* juga adalah golongan pertengahan di antara golongan *tamthil* yang melemparkan Allah dengan bandingan-bandingan sehingga menyerupakannya dengan makhluk-Nya. Hakikatnya *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* mensifatkan Allah dengan apa yang Allah sendiri sifatkan diri-Nya serta apa yang Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sifatkan tanpa melakukan apa-apa *tahrif, ta'til, takyif* serta *tamthil*.²²

Kelima: al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Wahhab *rahimahullah.*

Beliau menekankan kepentingan beriman kepada *Asma'* Allah serta sifat-sifat-Nya. Dalam kitabnya *Taysir al-'Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tawhid* pada mensyarahkan bab *Man Jahada Syai'an min al-Asma' wa al-Sifat*, beliau berkata:

²² Sila lihat *al-Tawdhih 'an Tawhid al-Khallaq*, hlm. 66

Ketika membuat penelitian terhadap *al-Tawhid*, hakikatnya ia tidak terhasil melainkan dengan beriman kepada Allah serta beriman kepada segala nama-nama (*al-Asma'*) serta sifat-sifat-Nya. Sehubungan ini, pengarang kepada kitab *al-Tawhid* -yakni al-Syeikh al-Imam - mewajibkan beriman kepada sekaliannya (yakni Allah dan *Asma'* serta *sifat*-Nya - penterjemah).²³

Namun bagi golongan yang mengingkari sesuatu daripada sifat-sifat Allah, al-Syeikh Sulayman menyebutkan di dalam risalahnya firman Allah seperti berikut:

Padahal mereka kafir kepada Tuhan Yang Maha Pemurah. (Surah al-Ra'd 13:30). Ulasan al-Syeikh Sulayman:

Ayat ini merupakan dalil bahawa sesiapa mengingkari sesuatu daripada sifat-sifat Allah maka dia termasuk golongan yang ditimpa kemusnahan (*al-Halikin*). Ini disebabkan wajib ke atas seseorang hamba beriman kepada segala sifat-sifat Allah sama ada dia memahaminya atau tidak ataupun sama ada akalannya dapat memahaminya atau tidak. Dimana wajib ke atas seseorang hamba beriman kepada ketetapan Allah dan Rasul-Nya *sallallahu 'alayhi wa sallam*.²⁴

Keenam: al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Beliau menyebutkan pegangan golongan *al-Salafiyyah* dalam perkara *al-Asma'* serta *al-Sifat* Allah yang pada

²³ Sila lihat *Taysir al-'Aziz al-Hamid* dalam mensyarahkan *Kitab al-Tawhid*, cetakan ketiga, al-Maktab al-Islamy, Beirut, 1397H, hlm. 574.

²⁴ Sila lihat *Taysir al-'Aziz al-Hamid*, hlm. 582.

hakikatnya merupakan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Dalam hal ini, ketika mensyarahkan firman Allah seperti berikut di dalam kitabnya *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tawhid* :

Hanya milik Allah Asmaul husna, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut Asmaul husna itu. (al-A'raf 7:180), al-Syeikh `Abd. al-Rahman berkata:

Tidak ada sebarang pengecualian di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* sama ada di kalangan mereka terdahulu mahupun semasa dimana mereka menetapkan sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan apa yang Dia sifatkan diri-Nya serta apa yang Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* sifatkan. Ini dilakukan tanpa sebarang *tamthil* serta mempersucikan-Nya tanpa sebarang *ta'til*. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

"Tidak ada sesuatu yang menyerupainya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat" (al-Syura 42:11)

Oleh itu adalah wajib menetapkan *dzat* serta sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* secara hakiki tanpa menyerupakan sesuatupun dengan *dzat* serta sifat makhluk. Sesiapa yang berusaha menetapkan kedua-duanya (*dzat* serta sifat) berlainan dari apa yang Allah serta Rasul-Nya tetapkan ataupun mentakwilkannya berlainan dari makna zahirnya maka dia termasuk golongan *Jahimi* yang menyeleweng dari jalan orang-orang beriman sebagaimana firman Allah seperti berikut:

Dan barangsiapa yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang beriman, Kami biarkan dia berleluasa terhadap kesesatan yang

telah dikuasainya itu dan Kami masukkan ia ke dalam Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali. (an-Nisa' 4:115)²⁵

Seterusnya al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan menyatakan kesesatan golongan *Mu'thillah* (golongan yang membatalkan serta menafikan sifat-sifat Allah –penterjemah) dalam persoalan *al-Sifat*. Hal ini termaktub dalam bab *Man Jahada Syai'an min al-Asma' wa al-Sifat* seperti berikut:

Golongan *Jahmiyyah* serta golongan yang bersepakat dengan pandangan mereka di atas permasalahan *ta'til* menafikan apa yang disifatkan Allah *Subhanahu Wa Ta 'ala* terhadap diri-Nya serta penetapan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* terhadap diri-Nya dengan segala sifat-sifat kesempurnaan serta ketinggian. Mereka mendakwa bahawa sifat-sifat ini menunjukkan kepada *al-Ajsam* (Tuhan itu mempunyai jasad serta tubuh seperti manusia –penterjemah). Oleh itu sesiapa yang menetapkannya maka dia menetapkan bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta 'ala* itu berjisim.

Hakikatnya ini merupakan kesesatan serta kerosakan akal fikiran mereka. Mereka tidak memahami sesuatupun tentang sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta 'ala* melainkan dengan menyamakannya dengan sifat makhluk lalu menafikan terus sifat-sifat tersebut kerana pada sangkaan mereka ia menyamai apa yang terdapat pada makhluk. Dengan itu mereka menolak apa yang termaktub di dalam al-Qur'an serta al-

²⁵ Sila lihat *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tawhid* berdasarkan yang ditahqiq oleh Muhammad al-Faqhi, cetakan kelapan, Mathabi' al-Qasim, Riyadh, 1386H, hlm. 449.

Sunnah di mana Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sendiri yang meng*ithbatkan* (menetapkan) sifat-sifat diri-Nya serta ia ditetapkan pula oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* dengan segala ketinggian serta keagungan-Nya.²⁶

Ketujuh: al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Beliau mengakhiri penjelasannya terhadap *Kitab al-Tawhid* dengan mengemukakan firman Allah yang diikuti hadits Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* ²⁷seperti berikut:

Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang semestinya padahal bumi seluruhnya dalam genggaman-Nya pada hari kiamat dan langit digulung dengan tangan kanan-Nya. (al-Zumar 39:67)

Hadith yang dimaksudkan ini diriwayatkan oleh *al-Shaykhain*. Ia seperti berikut:

Seorang pendita Yahudi datang menemui Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Dia lalu berkata: Wahai Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam, kami mendapati bahawa Allah Subhanahu Wa Ta'ala nanti akan meletakkan seluruh langit pada satu Jari, meletakkan bumi pada satu Jari, pokok-pokok pada satu Jari, air dan debu pada satu Jari manakala seluruh kejadian yang lain

²⁶ Sila lihat *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tawhid*, hlm. 402.

²⁷ Hadith ini dikeluarkan oleh al-Shaikhan daripada Ibn Mas'ud *radiyallahu 'anhu*.

Sila lihat hadith-hadith yang lain berdasarkan *Kitab al-Tawhid* di dalam *Majmu'ah Muallifat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 148-150.

pada satu Jari. Kemudian Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan berkata: 'Aku adalah Raja'.

Maka Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam lantas ketawa sehingga kelihatan gigi baginda. Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam kemudian membaca ayat seperti berikut:

Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang semestinya padahal bumi seluruhnya dalam genggaman-Nya pada hari kiamat dan langit digulung dengan tangan kanan-Nya. (al-Zumar 39:67)²⁸

Beliau menjelaskan ayat serta hadith di atas seperti berikut:

Hadith ini menunjukkan keagungan Allah serta kekuasaan-Nya dan juga kemuliaan makhluk ciptaan-Nya. Allah memperkenalkan sifat-sifat-Nya kepada para hamba yang menunjukkan kepada kesempurnaan Penciptanya. Dialah Tuhan yang disembah, Maha Esa serta tiada sekutu pada *kerububiyahan* serta *keuluhiyahamya*. Selain itu sangat penting bagi kita meng*ithbatkan* sifat-sifat Allah yang Maha Agung serta penuh kebesaran tanpa *tamthil* serta mempersucikannya tanpa *ta'til*.

Selain itu, didapati bahawa Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* mengagungkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan menyebutkan sifat-sifat kesempurnaan yang menunjukkan

²⁸ Sila lihat hadith-hadith lain yang menyatakan perkara yang menyamainya di dalam *Kitab al-Tawhid* yang disisipkan ke dalam *Majmu'ah Muallifat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 148-150.

kebesaran serta kemuliaan-Nya dengan membenarkan kenyataan golongan Yahudi terhadap salah satu dari sifat-sifat tersebut.²⁹

Kelapan: al-Syeikh Ishaq bin 'Abd. al-Rahman.

Ketika memperkatakan *Asma'* Allah serta sifat-sifat-Nya, beliau menulis seperti berikut:

Keseluruhan sifat yang dinamakan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* terhadap diri-Nya tidak sepatutnya disamakan dengan sifat-sifat yang terdapat pada makhluk. Mahasuci Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mengatasi segala apa yang wajib termaktub pada makhluk seperti bersifat baru serta segala jenis kekurangan. Oleh itu sifat-sifat yang ada pada kita seperti ilmu, *qudrat*, *iradat*, *hayah* hanyalah menunjukkan kepada sifat-sifat mendatang ataupun baru.

Kita ditegah mensifati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyamai apa yang ada pada makhluk (dengan kata lain sifat Ilmu, *Qudrat*, *Iradat*, *Hayah* Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berbeza sama sekali dengan makhluk -penterjemah). Kita juga berlindung kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dari melakukan *takwil* sehingga membawa kepada *ta'til*, begitu juga melakukan *takyif* sehingga membawa kepada *tamthil*.³⁰

²⁹ Sila lihat *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tawhid*, hlm. 511-512 secara ringkas. Sila lihat pentakrifan *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat* dalam *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 2, hlm. 91.

³⁰ Sila lihat *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 3, hlm. 357.

Kesembilan: al-Syeikh Ahmad bin Ibrahim bin 'Isa.

Di dalam kitabnya yang amat bernilai bertajuk *Tanbih al-Nabih wa al-Ghabiy fi al-Radd 'ala al-Madrasi wa al-Halabiy*, beliau mempertahankan pegangan *al-Salaf al-Soleh*. Ia menyangkut tuduhan terhadap pegangan mereka yang kononnya membawa kepada *al-tasybih*. Ia seperti berikut:

Golongan *al-Salaf* menghindari diri mereka dari berpegang dengan i'tikad *al-tasybih*. Mereka juga tidak mendiamkan diri terhadap kemunculan perkara *bid'ah*. Betapa sempurna pengetahuan serta keimanan mereka sehingga mereka tidak memahami apa yang Allah serta Rasul-Nya sifatkan terhadap diri-Nya sehingga membawa kepada *al-tasybih*.

Adapun golongan *mu'thillah*, mereka memahami apa yang Allah serta Rasul-Nya sifatkan terhadap diri-Nya sehingga membawa kepada *al-tasybih* serta *al-tajsim*. Selain itu mereka mengubah apa yang termaktub di dalam al-Qur'an serta al-Sunnah dengan melakukan *takwil-takwil* sehingga terjadinya pelbagai kesalahan serius. Ini kerana mereka menetapkan adanya penyerupaan seterusnya melakukan pembatalan.

Adapun golongan *al-Salaf* serta golongan *al-Khalaf* yang mengikuti mereka dengan kebaikan keadaan mereka laksana golongan yang berada di dua persimpangan jalan serta petunjuk antara dua kesesatan. Mereka menetapkan *al-Sifat* tanpa *al-tasybih* atau *al-tamthil* serta tanpa *al-tahrif* serta *ta'til*. Dalam hal ini, mereka mengingkari golongan *al-Jahmiyyah* serta *al-Muktazilah* dan menolak golongan yang mengikuti

keduanya seperti *al-Mujassamah* serta *al-Mumatthilah*.³¹

Kesepuluh: Pengarang *Tanzih al-Dzat wa al-Sifat min Darn al-Ilhad wa al-Syubhat*.³²

Beliau mengemukakan pandangan salah seorang ulama' Najd berkaitan pegangan mereka terhadap *Asma'* Allah dan sifat-sifat-Nya. Ia seperti berikut:

Ketahuilah! Kami beriman dengan segala sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sebagaimana kami beriman terhadap *dzat*-Nya yang Mahasuci. Kami memahami kewujudan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan membezakan sama sekali *dzat*-Nya dengan *dzat* segala makhluk serta membezakan keadaan sifat-sifat-Nya dengan sifat-sifat makhluk. Ini dilakukan dengan menghindari segala bentuk *takyif*, *tamthil*, *tasybih* serta *ta'thil*. Kami berkata sebagaimana para *al-Salaf al-Soleh* berkata, iaitu seperti berikut:

"Kami beriman kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan apa yang dikehendaki Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Tidak ada sesuatu yang menyerupainya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat. Adapun *al-Istiwa'*, ia termaklum di dalam al-Qur'an yang tidak ada kebatilan padanya sama

³¹ Sila lihat *Tanzih al-Nabih wa al-Ghabiy fi al-Radd 'ala al-Madrasi wa al-Halabiy*, Matba'ah Kurdistan, Mesir, 1329H, hlm. 241.

³² Risalah ini didapati dalam bentuk manuskrip di Jabatan Manuskrip Universiti al-Malik Sa'ud, helaian 1356. Ia ditulis oleh Muhammad bin Hassan al-'Attas (m. 1305H).

sekali. Dan segala apa yang Allah sifati diri-Nya kami wajib beriman terhadapnya sebagaimana kami wajib beriman terhadap *dzat*-Nya dengan tidak menyatakan sebarang *kaifiat* terhadap kedua-nya sebagaimana mematuhi firman Allah seperti berikut:

"Tidak ada sesuatu yang menyerupainya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat" (al-Syura 42:11)

Dalam hal ini, tidak dapat diberi gambaran terhadap *dzat* serta sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sama ada dari sudut syari'at agama mahupun penggunaan akal fikiran manusia.³³

Kesebelas: *al-'Allamah* Mahmud Syukri al-Alusi al-Iraqi.

Beliau memperkatakan pegangan al-Syeikh al-Imam terhadap permasalahan *al-Asma'* serta *al-Sifat* di dalam *tahqiqnya* terhadap kitab *Tarikh Najd* seperti berikut:

Diketahui serta menjadi masyhur ketetapan al-Syeikh al-Imam menerusi hasil karyanya serta ketetapan rakan-rakan serta sekalian anak muridnya. Ia sepenuhnya berdasarkan ketetapan *al-Salaf al-Soleh* serta para pemimpin agama dan para *fuqhaha'* dalam perkara yang menyangkut *ma'rifat* Allah serta *mengithbatkan* segala sifat-sifat kesempurnaan serta ketinggian-Nya. Ia sepenuhnya berdasarkan al-Qur'an serta al-Hadith Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta pegangan para sahabat *radiyallahu 'anhum*. Dalam hal ini mereka beriman kepada-Nya sebagaimana yang sepatutnya tanpa melakukan

³³ Sila lihat *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 681.

apa-apa *tahrif*, *ta'til*, *takyif* dan *tamthil*.³⁴

Keduabelas: Persepakatan para ulama' Mekah serta Najd.

Berdasarkan persepakatan para ulama' Mekah serta Najd terhadap akidah Tawhid sebagaimana termaktub di dalam kitab *al-Bayan al-Mufid fima Ittifaq 'alayhi 'Ulama' Makkah wa Najd min 'Aqaid al-Tawhid*. Ia seperti berikut:

Amma Ba'du: Kami beritakad bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* Maha Tunggal di dalam penciptaan-Nya serta *keuluhiahannya*, Maha Tunggal di dalam *Asma'* serta sifat-sifat-Nya. Bagi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* nama-nama yang baik serta sifat-sifat yang Maha Tinggi sebagaimana yang ditetapkan-Nya di dalam al-Qur'an serta yang ditetapkan menerusi lisan Rasul-Nya. Ia tanpa *takyif*, *tahrif*, *tamthil* serta *ta'til*. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berada di atas langit-Nya di atas *'Arashnya* serta Maha Tinggi dari sekalian makhluk-Nya...³⁵

Ketigabelas: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Sulayman bin Bulayhid.

Beliau memperjelaskan konsep Tawhid *al-Asma'* serta *al-Sifat*. Ia menyangkut perkara yang disepakati golongan ahli kebenaran serta perkara yang diperselisihkan golongan yang

³⁴ Sila lihat kitab *Tarikh Najd* yang ditahqiq oleh Muhammad Syukri al-Alusi berdasarkan cetakan al-Salafiyah, Kaherah, 1343H, hlm. 77.

³⁵ Sila lihat hlm. 6.

menyalahinya. Ia seperti berikut:

Tawhid *al-Asma'* serta *al-Sifat* ialah mengithbatkan apa yang disifatkan serta apa yang dinamakan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* terhadap diri-Nya berdasarkan kenyataan al-Qur'an serta menerusi lisan Rasul-Nya *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ia merujuk kepada *al-Asma' al-Husna* serta sifat-sifat Allah yang Maha Tinggi dengan menetapkan apa yang sesuai dengan kemuliaan serta keagungan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* tanpa melakukan apa apa *tahrif, ta'til, takyif* serta *tamthil*.

Dalam hal ini keseluruhan kumpulan Islam yang berada di atas kebenaran bersepakat tentang kesempurnaan sekalian sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang Mahasuci dari segala kekurangan.

Adapun golongan yang berselisih tentangnya mereka menyangka segala sifat-sifat yang ditetapkan Allah ke atas diri-Nya melazimkan kepada *al-tajsim* serta *al-tasybih* sehingga mereka menafikan serta membatalkan apa yang ditetapkan Allah terhadap diri-Nya. Dikalangan mereka ada yang menetapkannya sehingga menyamakan sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan sifat-sifat yang terdapat pada makhluk-Nya.

Namun Allah memberi petunjuk kepada golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* yang merupakan kumpulan *firqah al-Najiyah* yang berpegang sepenuhnya kepada al-Qur'an dan al-Sunnah serta pendapat *al-Salaf al-Soleh*. Dimana mereka menetapkan segala sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berdasarkan penetapan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an serta penetapan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa*

sallam. Terkandung di dalamnya segala *al-Asma' al-Husna* serta sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang Maha Tinggi. Ini sebenarnya perkara yang diperakui serta jalan kepada kejayaan.³⁶

Keempatbelas: al-Qasimi berkata di dalam kitabnya *al-Thawrah al-Wahabiyah*.

Beliau berkata tentang pegangan al-Syeikh al-Imam seperti berikut:

Dia beriman berdasarkan apa yang termaktub di dalam al-Qur'an serta al-Hadith yang sahih. Di antara yang dinyatakan al-Qur'an ialah Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* ber*Istiwa'* di atas *'Arashnya*. Dia beriman kepadanya dengan tidak menyamakannya dengan *istiwahya* makhluk. Dalam hal ini golongan menyalahi kebenaran yang dinyatakan oleh al-Syeikh al-Imam menghendaki menyamakan apa yang dinyatakannya dengan *al-tajsim* serta *al-tasybih* terhadap sifat-sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan makhluk-Nya. Oleh itu al-Syeikh al-Imam menolak pandangan karut mereka dengan katanya:

"Keseluruhan kitab yang didatangkan dari langit menyatakan demikian dengan jelas tanpa perlu diperdebatkan lagi. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* Maha Mengetahui ketika mensifati diri-Nya dengan apa yang harus serta apa yang tidak harus pada diri-Nya. Tanpa sebarang pertikaian, apa yang aku nyatakan ini hakikatnya merupakan pegangan kaum Muslimin

³⁶ Kenyataan Ibn Bulayhid ketika berlangsungnya perjumpaan di antara dirinya dengan para ulama' Mekah serta Najd. Sila lihat hlm. 14.

sebelum munculnya pandangan golongan yang salah ini.”³⁷

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, kami dapati terserlahnya jalan kejayaan menerusi apa yang ditunjukkan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* yang berdiri teguh di atas landasan golongan *al-Salaf al-Soleh* terdahulu dengan mensifatkan Allah menerusi apa yang Dia sifatkan diri-Nya serta menerusi apa yang disifatkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Ia berdasarkan al-Qur'an serta hadith yang menerangkan demikian.

Menerusi pemerhatian teliti yang akan diperjelaskan kemudian, kami dapati bahawa para penentang dakwah *al-Salafiyyah* melemparkan tuduhan serta pembohongan terhadap Imam dakwah *al-Islahiyyah* al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta para pendokongnya sebagai golongan *Musyabbihah* serta *Mujassamah* dalam perkara *al-Sifat*.

Ini tidak lain kerana mereka meng*ithbatkan* sifat-sifat Allah seperti *al-Istiwa'*, *al-'Uluw*, *al-Nuzul* serta yang lainnya sebagaimana termaktub di dalam al-Qur'an serta al-Sunnah secara zahir tanpa *tamthil*, *tahrif* serta *ta'til* dengan menyerahkan maknanya kepada Allah jua. Selain itu para penentang bertindak lebih jauh dengan melemparkan pendustaan bahawa al-Syeikh al-Imam menetapkan terhadap Allah *al-Julus* (duduk), *Janib* (sisi), lisan serta berjسيم laksana haiwan (*nauzubillah* –penterjemah). Maha Suci Allah *Subhanahu Wa Ta 'ala* yang Maha Tinggi dari kata-kata orang-orang yang zalim ini.

³⁷ Sila lihat *al-Thawrah al-Wahabiyyah*, cetakan pertama, Matba'ah al-Rahmaniyyah, Mesir, 1354H, hlm. 12.

Tuduhan-Tuduhan Kepada al-Syeikh al-Imam.

Di kalangan mereka yang awal menyatakan tuduhan ialah seorang ulama' *Syi'ah al-Zaidiyyah*. Dia mengarang sebuah risalah bagi menjawab al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dengan berkata:

Dan engkau turut menyanggah kata-kata engkau dengan kata-kata engkau seperti berikut: "Sebagai contoh apa yang disifatkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* terhadap diri-Nya bahawa Dia di atas langit *berIstiwa'* di atas '*Arashnya*."

Ulasan *al-Zaidiyyah*: Engkau dalam hal ini mentafsir kitab Allah serta menetapkan terhadap Allah sifat iaitu "di atas" yang melazimkan demikian kepada *al-tajsim*. Sedangkan perkataan "di atas" itu tidak disebut di dalam firman-Nya yang bermaksud: (Iaitu) Tuhan Yang Maha Pemurah, **Yang bersemayam "di atas" *Arash***. (Surah Taha: 5)³⁸ [Amat jelas penipuan si-Zaidiyyah ini kerana seolah-olah tidak mengetahui bahawa perkataan 'di atas' sudahpun termaktub berdasarkan ayat di atas -penterjemah]

- **'Alawi al-Haddad.**

Dia mencaci cerca al-Syeikh al-Imam dengan katanya: Dan daripada sebesar-besar *bid'ah* al-Najdi ini ialah pengajaran

³⁸ Sila lihat *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 101.

akidahnya yang *mentajsimkan* Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.³⁹ Beliau menambah: Selain itu ternyata wujudnya *al-tajsim*, pergerakan (*al-harakah*) serta perpindahan (*al-intiqal*) [merujuk kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* -penterjemah].⁴⁰

- **Abu al-Fida' Isma'il al-Tamimi.**

Merupakan penentang yang berasal dari Maghribi. Dia membuat tuduhan di dalam kitabnya *al-Minh al-Ilahiyyah fi Thomas al-Dolalat al-Wahabiyyah*. Ia seperti berikut:

Dikatakan bahawa golongan Wahabi mengikuti Ibn Taymiyyah dalam menggunakan perkataan *al-tajsim* apabila merujuk kepada zahir ayat al-Qur'an al-karim. Ia menyangkut apa yang mereka fahami tentang ayat yang menyatakan Allah itu Maha Tinggi serta Maha Besar. Golongan Wahabi dalam hal ini lebih sesuai dikaitkan dengan para penyembah patung-patung yang berpandangan bahawa apa yang mereka sembah itu mempunyai jisim. Hakikatnya mereka tidak menyembah Allah atau mengetahui tentang diri-Nya melainkan dengan makna ini (Jisim -penterjemah).⁴¹

- **al-Syeikh al-Kazb (pendusta) Ahmad bin Zaini Dahlan.**

³⁹ Sila lihat *Misbah al-Anam*, hlm. 13.

⁴⁰ Sila lihat *Misbah al-Anam*, hlm. 22.

⁴¹ Sila lihat *al-Minh al-Ilahiyyah fi Thomas al-Dolalat al-Wahabiyyah*, Jabatan Manuskrip, Kuwait, helaian 9.

Dia menyebutkan pembohongan ini dari masa ke semasa terhadap al-Syeikh al-Imam. Ia seperti berikut: Maka ternyata *al-tajsim* terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sebagai pegangannya menerusi pengajaran yang disampaikan.⁴²

- **Ahmad Mukhtar Basya al-Muayyad.**

Dia menelan bulat-bulat pendustaan ini dengan berkata: Di antara pegangan mazhab Wahabi ialah *mentajsimkan* Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ia merupakan penetapan yang terdapat di dalam pengajaran mereka.⁴³

- **Jamil Sodaqy al-Zahawy.**

Penentang ini menyatakan tuduhan dusta serta penyimpangan ini dengan katanya:

Golongan Wahabi melancarkan serangan terhadap kesucian Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ini dilakukan dengan menetapkan *Istiwahya* Allah di atas '*Arash* serta menetapkan ketinggian Allah di atas-nya ('*Arash*). Mereka juga menetapkan bagi Allah wajah, dua tangan, memegang segala langit dengan jari, memegang bumi dengan jari dan memegang pokok juga dengan jari. Mereka juga menetapkan "arah" terhadap Allah serta mengatakan bahawa Allah berada di atas segala langit di atas '*Arash*. Sehubungan hal ini, mereka mengisyaratkan Allah

⁴² Sila lihat *al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd al-Wahabiyyah*, hlm 56.

⁴³ Sila lihat *al-Bayan wa al-Isyhar fi Kashf Zaigh al-Mulhid Mukhtar*, hlm. 103.

itu di atas 'Arash dengan isyarat tangan seolah-olah ia boleh dicapai dengan pancaindera. Selain itu mereka mengatakan bahawa Allah turun ke langit dunia kemudian naik kembali.⁴⁴

Dia menambah:

Golongan Wahabi berpegang dengan zahir ayat bahawa Allah Maha Tinggi di atas 'Arash sebagai suatu yang hakiki. Mereka berpandangan bahawa Allah mempunyai wajah, dua tangan, turun ke langit dunia kemudian naik kembali dengan makna hakiki. Maka golongan Wahabi menjadikan sembahkan mereka itu berjisim laksana haiwan yang duduk di atas 'Arash lalu turun naik secara hakiki, mempunyai wajah, tangan, kaki dan jari-jari secara hakiki.⁴⁵

- **Yusuf al-Dajwi.**

Dia mencaci cerca pendokong dakwah *al-Salafiyyah* dalam penetapan mereka terhadap sifat Maha Tingginya Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Dalam hal ini, 'Abd. Allah al-Qasimi berkata:

Di antara kebencian al-Dajwi terhadap golongan Wahabi sehingga mengkafirkan mereka adalah disebabkan persoalan ketinggian Allah di atas makhluk-Nya. Dalam hal ini beliau menulis banyak rencana menyentuh perkara ini dalam majalah-majalah seperti *Nur al-Islam*, *al-Islam* serta

⁴⁴ Sila lihat *al-Fajr al-Sodiq fi al-Radd 'ala Munkiri al-Tawassul wa al-Karamat wa al-Khawariq*, cetakan Maktabah al-Maliji, Mesir, 1323H, hlm. 28.

⁴⁵ Sila lihat *al-Fajr al-Sodiq fi al-Radd 'ala Munkiri al-Tawassul wa al-Karamat wa al-Khawariq*, hlm. 118.

sebahagian suratkhbar harian lainnya.⁴⁶

- **Syarif al-Yamani.**

Dalam serangan bertubi-tubinya terhadap golongan Wahabi sebagai golongan *Mujassamah*, dia menuduh al-Syeikh al-Imam seperti berikut:

Dia merupakan orang pertama yang menghuraikan tentang *al-tajsim* apabila menetapkan *al-Istiwa'nya* Allah. Semoga Allah memeranginya. Maha Suci Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* daripada sebarang arah.⁴⁷

- **al-Askandarany.**

Dalam terhadap pertuduhan ini dia berkata seperti berikut:

Di antara pegangan golongan Wahabi dari sudut akidah ialah menetapkan tangan, wajah serta arah bagi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Selain itu mereka juga menetapkan jisim yang berupaya untuk naik serta turun.⁴⁸

⁴⁶ Sila lihat *al-Fasl al-Hasim Bayna al-Wahabiyyin wa Mukhalifihim*, cetakan pertama, Matba'ah al-Tadhaman, Mesir, 1934, hlm. 118. Sila lihat rencana hasil tulisan al-Dajwi di dalam majalah *Nur al-Islam*, Jil. 2, hlm. 282-289, hlm. 131-238. Jil. 5, hlm. 519-528.

⁴⁷ Sila lihat *Ta'yid Mazhab al-Salaf wa Kashf Syubhat Man Had wa Inharaf wa Du'uya bi al-Yamani Syarif*. al-Matba'ah al-Mustafawiyah, India, 1322H, hlm. 3.

⁴⁸ Sila lihat *al-Nufkah 'ala al-Nufkah*, hlm. 35.

- **Muhsin al-Amin al-'Amili.**

Dalam melemparkan tuduhan ini menerusi hasil karyanya, dia berkata:

Ibn 'Abd. al-Wahhab mengoyakkan sendi Tawhid dengan mengatakan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* duduk di atas 'Arash secara hakiki. Dia juga mengatakan bahawa Allah mempunyai tangan, kaki, betis, arah, mata, wajah, lisan jiwa serta selainnya secara hakiki. Ketahuilah perkara ini merupakan ciri utama kepada *al-tajsim* sehingga kaum Muslimin mengkafirkan dirinya.⁴⁹

Dia menambah lagi:

Kata-kata ini merupakan kenyataan yang amat bercanggah dengan syari'at Islam kerana melazimi kepada *al-tajsim*. Adapun golongan *Mujassamah* mereka ini dikafirkan kaum Muslimin kerana menyalahi Tawhid.⁵⁰

Seterusnya dia berkata:

Golongan Wahabi menetapkan terhadap Allah arah di atas dalam keadaan ber*Istiwa'* di atas 'Arash. Seterusnya mereka menetapkan Allah turun ke langit dunia, datang, hampir serta selainnya dengan makna hakiki tanpa sebarang pentakwilan. Ini merupakan *al-tajsim* yang nyata.⁵¹

⁴⁹ Sila lihat *Kashf al-Irtiyab fi Itba' Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, cetakan pertama, Matba'ah Ibn Zaydun, Damsyik, 1346H, hlm. 8.

⁵⁰ Sila lihat *Kashf al-Irtiyab fi Itba' Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 12.

⁵¹ Sila lihat *Kashf al-Irtiyab fi Itba' Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 129.

- **Muhammad Jawwad Mughniyyah.**

Kami mengakhiri tuduhan ini dengan mengemukakan kenyataan penentang bernama Muhammad Jawwad Mughniyyah. Ia berdasarkan kitabnya bertajuk *Hazihi Hiya al-Wahabiyyah*. Ia seperti berikut:

Golongan Wahabi menjadi kaku atau beku dalam memahami zahir ayat-ayat al-Qur'an serta al-Sunnah yang berhubung dengan sifat-sifat Allah. Mereka tidak mengharuskan penafsiran serta pentakwilan zahir ayat-ayat tersebut bahkan menganggap pentakwilan terhadapnya sebagai kekufuran kerana mendustai Allah dan Rasul-Nya.

Oleh itu mereka mempersucikan Allah dengan menetapkan bagi-Nya kaki, tapak tangan, jari, jiwa, wajah, mata, duduk serta selainnya daripada sifat-sifat yang Allah mensifati diri-Nya atau menerusi apa yang disifati Rasul-Nya tanpa apa-apa pengurangan atau penambahan serta tanpa pentakwilan yang menyalahi makna zahir.⁵²

Inilah beberapa keterangan berkenaan tuduhan para penentang terhadap al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya yang menyangkut perkara *al-tajsim* serta *al-tasybih*. Secara realiti, tuduhan ini dilemparkan terhadap mereka disebabkan mereka berpegang kepada zahir ayat al-Qur'an serta hadith yang berhubung dengan sifat-sifat Allah tanpa melakukan sebarang *tamthil* mahupun *takyif* bagi menyatakan kemahasucian Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

⁵² Sila lihat *Hazihi Hiya al-Wahabiyyah*, 1964, hlm. 92.

Jawapan Terhadap Tuduhan.

Seterusnya kami menyatakan jawapan serta hujah yang kukuh dan amat bernilai bagi membantah segala tuduhan dusta ini menerusi kenyataan para pemimpin dakwah. Ia seperti berikut:

- **al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.**

Dalam jawapannya membantah kenyataan *al-Zaidiyyah* yang menuduh bahawa meng*ithbatkan* (menetapkan) *al-Sifat* sebagaimana asalnya melazimkan kepada *al-tajsim*, beliau berkata:

Dia (*al-Zaidiyyah*) berkata: "Engkau hendak mempersucikan Tuhan engkau dengan (kaedah yang) melazimkan kepada *al-tajsim*!".

Kenyataannya ini merupakan suatu pendustaan yang nyata. Ini kerana kami hanya menyatakan apa yang Allah serta Rasul-Nya sifatkan terhadap diri-Nya dengan membenarkannya tanpa sebarang keraguan.

Kami tidak pula menerimanya sebagai suatu yang melazimkan kepada *al-tajsim*. Bahkan *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* menetapkan *dzat* serta sifat-sifat Allah seperti *al-Hayah*, *al-Iradah* dan *al-Kalam* dengan menafikan sama sekali *al-tajsim* terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Tidak dinafikan bahawa makhluk juga mempunyai *dzat* serta sifat seperti *al-hayah*, *al-iradah* dan *al-kalam* namun kami tidak menetapkan apa yang ada pada makhluk seperti *al-tajsim* serta

al-takyif terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, Maha Tinggi serta Maha Besar Allah dari hal yang demikian.

Selain itu sudah sedia maklum bahawa segala sifat-sifat yang ada pada makhluk terdiri dari *jawahir* (elemen atau unsur-unsur -penterjemah) serta *a'radh* (ruang -penterjemah). Adapun hak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* tidak ada yang mengetahuinya melainkan Dia sahaja tanpa sebarang penafsiran mahupun *takyif*.⁵³

Beliau menambah:

Tuduhannya bahawa menetapkan sifat 'di atas' terhadap Allah melazimkan kepada *al-tajsim* adalah pembohongan yang amat nyata. Ini kerana penetapan di atas tidak sekali-kali menjurus kepada hal yang demikian. Dalam hal ini, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* lebih mengetahui dari makhluk-Nya apa yang harus serta apa yang ditegah terhadap diri-Nya. Namun golongan *ahl al-bid'ah* serta kesesatan ingin memasukkan unsur kekejian terhadap apa yang dibawa oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* dari sisi Allah.⁵⁴

- **al-Syeikh Sulayman bin Sahman.**

Ketika menjawab tuduhan *al-tajsim*, beliau menghuraikan makna 'Jisim' dengan menyatakan apa yang harus serta diharamkan apabila merujuk kepada Allah

⁵³ Sila lihat *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, dalam menjawab *Syi'ah* serta *al-Zaidiyyah* Jil. 3, hlm. 118

⁵⁴ Sila lihat *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 101.

Subhanahu Wa Ta'ala. Ia seperti berikut:⁵⁵:

Sebagai jawapan kami menyatakan bahawa lafaz "*a/Jism*" tidak dinyatakan al-Qur'an untuk *diithbatkan* mahupun untuk dinafikan. Namun barangsiapa yang melakukannya, maka ia disoal tentang maksud penggunaannya.

Sekiranya apa yang ia maksudkan dengan jisim sebagai makna yang biasa difahami dalam istilah bahasa Arab sebagai 'tubuh badan' tanpa dirujuk kepada makna lain, maka ia sama sekali ditolak apabila dikaitkan terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ini samada menerusi logik akal mahupun apa yang difahami masyarakat Arab yang memahami maksud jisim sebagaimana demikian.

Sekiranya apa yang dikehendaki dengan jisim sebagai sesuatu yang tersusun daripada benda atau gambaran atau sesuatu yang terdiri dari *jawhar* (elemen atau unsur-unsur) maka ia juga sama sekali ditolak sebagaimana penolakan di atas.

Namun sekiranya apa yang dimaksudkan dengan jisim sebagai apa yang disifatkan oleh sifat misalnya Dia melihat dengan sifat Penglihatan, Berkata-kata dengan sifat *Kalam*, Mendengar, Redha, Marah dan sebagainya lagi tanpa sama

⁵⁵ **Penterjemah:** Saya tidak menterjemah keseluruhan jawapan Ibn Sahman disebabkan permasalahan ini terlalu kompleks sehingga agak payah untuk difahami. Namun menjadi harapan penterjemah agar jawapan Ibn Sahman difahami dengan penuh penelitian supaya tidak disalah fahami. Ini kerana istilah Jisim walaupun ada yang dibenarkan syara' apabila tidak disalahgunakan atau digunakan pada tempat yang betul, ia masih tidak dapat diterima masyarakat tempatan apabila dikaitkan terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

sekali mengaitkan serta menyamakan dengan apa yang wujud pada makhluk maka istilah ini diterima serta *thabit* terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.⁵⁶

- **al-Syeikh Fauzan al-Sabiq.**

Di dalam kitabnya *al-Bayan wa al-Isyhar* dinyatakan penipuan Ahmad Basya Mukhtar al-Muayyad terhadap al-Syeikh al-Imam ketika melemparkan tuduhan *al-tajsim* terhadapnya. Ia seperti berikut:

Si-mulhid ini menyatakan tuduhan *al-tajsimnya* tanpa menyebutkan jenis-jenis *al-tajsim* yang kononnya ditetapkan golongan Wahabi menerusi pegangan mereka. Secara realiti, apa yang dikehendakinya menerusi penipuan ini hanyalah untuk menyembunyikan pegangan *Jahmiyyahnya* yang batil.

Sebenarnya golongan Wahabi hanya menetapkan sifat-sifat Allah sebagaimana yang *thabit* di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah serta menjadi pegangan *al-Salaf al-Ummah* yang beriman kepada Allah dengan apa yang Dia sifatkan terhadap diri-Nya serta menerusi apa yang disifatkan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* tanpa *tahrif*, *ta'thil*, *takyif* mahupun *tamthil*. Bahkan mereka beriman bahawa Allah tidak menyamai segala sesuatu dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Dalam hal ini mereka tidak menafikan apa yang disifati Allah serta Rasul-Nya serta tidak mengubah *Kalam* pada

⁵⁶ Sila lihat *Kashf Ghiyab al-Zullam*, hlm. 131-134, secara ringkas. Sila lihat *al-Dhiya' al-Syariq*, hlm. 78-132. Sila lihat *al-Asinah al-Haddad*, hlm. 172-173.

kedudukannya. Dengan itu mazhab al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya dalam mensifati Allah adalah mazhab *al-Salaf al-Ummah* serta para sahabat *radiyallahu 'anhum* serta *tabi'in* dan golongan yang mengikuti mereka.⁵⁷

- **al-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha.**

Dalam membantah pembohongan al-'Amili *al-Rafidhi* kerana melemparkan tuduhan *al-tajsim* serta *al-tasybih* terhadap Ibn Taymiyyah serta al-Syeikh al-Imam, beliau berkata:

Tuduhannya terhadap Ibn Taymiyyah, Ibn 'Abd. al-Wahhab serta para pendokong mereka bahawa mereka menetapkan terhadap Allah dengan sifat Ketinggian serta ber*Istiwa'* di atas *'Arash*, hakikatnya mereka hanya menetapkan pegangan *Ahl al-Sunnah* yang menetapkan apa yang ditetapkan al-Qur'an serta al-Sunnah *Khatam al-Nabiyyin*. Dimana mereka menetapkan segala nas-nas ini dengan makna hakiki tanpa melakukan sebarang pentakwilan. Ini dilakukan dengan mengikuti golongan *al-Salaf al-Soleh* serta menjauhi *Ahl al-Bid'ah* seperti golongan *takwil Jahmiyyah*, *Muktazilah* serta *Syi'ah* yang melakukan perkara syubhat dalam mempersucikan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Adapun kekeliruan golongan *bid'ah* semasa ialah mempersucikan Allah daripada menyamai makhluknya dengan melakukan pentakwilan terhadap sifat-sifat Allah sehingga sampai ke peringkat membatalkan sifat-sifat tersebut.

⁵⁷ hlm. 103.

Sebaliknya golongan *al-Salaf al-Soleh* lebih mengetahui dari mereka akan nas-nas ini, kewajiban beriman dengannya di samping amat mempersucikan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Beliau menambah:

Ketahuilah bahawa mempersucikan Allah dari menyamai makhluk-Nya telahpun *thabit* sama ada menerusi dalil akal mahupun Nas yang *qat'ie*, antaranya firman Allah:

"Tidak ada sesuatu yang menyerupainya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat" (al-Syura 42:11)

Di samping itu, golongan *al-Salaf al-Soleh* bersama-sama melaksanakan dua perkara:

- 1) Mempersucikan Allah dengan mensifatkan-Nya dengan apa yang Dia sifatkan diri-Nya seperti sifat *al-Rahmah*, *al-Mahabbah*, *al-Ridha*, *al-Ghadhab* dan sebagainya.
- 2) Tidak bertindak sesuka hati atau membuat keputusan sendiri untuk memisah-misahkan atau membeza-bezakan antara sifat-sifat tersebut dengan sifat-sifat seperti *al-'Ilm*, *al-Iradah*, *al-Sama'*, *al-Basar* dan *al-Kalam*.⁵⁸

Dalam membantah tuduhan *al-Rafidhi* ini, beliau selanjutnya berkata:

al-'Amili *al-Rafidhi* mendakwa bahawa Ibn Taymiyyah orang yang pertama menetapkan sifat-sifat Allah tanpa takwil. Ia diikuti sebahagian muridnya serta diikuti kemudiannya golongan Wahabi. Beliau mendakwa pegangan mereka ini

⁵⁸ Sila lihat *al-Sunnah wa al-Syi'ah aw al-Wahabiyyah wa al-Rafidhah*, Matba'ah al-Manar, Mesir, 1347H, hlm. 74-75.

menyalahi pegangan kaum Muslimin. Namun kenyataannya ini adalah suatu pembohongan serta penyesatan terhadap golongan awam *Ahl al-Sunnah* serta suatu usaha bagi menarik mereka untuk membatalkan sifat-sifat Allah menerusi pentakwilan. Dengan itu mereka menjadikan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kosong dari sifat-sifat yang Dia nyatakan sendiri seperti Maha Tinggi sedangkan sifat ini jelas termaktub di dalam al-Qur'an serta hadith yang sahih.⁵⁹

- **Nasir al-Din al-Hijazi.**

Di dalam *al-Nufkah*, beliau menolak pembohongan al-Askandarany ketika menjadikan penetapan golongan Wahabi sebagai menjurus kepada *al-tajsim*. Ia seperti berikut:

Golongan Wahabi tidak menetapkan demikian (*al-tajsim*). Sebaliknya, mereka sebagaimana golongan *Salaf* beriman dengan apa yang ditetapkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* serta menyerahkan makna sifat-sifat tersebut kepada Allah tanpa sebarang *tashbih*, *tamthil* serta *ta'thil* sebagaimana termaktub di dalam kitab-kitab akidah mereka.

Adapun golongan *Muktazilah* telah melemparkan tuduhan terhadap *Ahl al-Sunnah* sebagai golongan *Mujassamah* sebagaimana terdapat di dalam kitab-kitab mereka. Hakikatnya rakan-rakan kami hanya mengikuti jalan kebenaran di mana sekiranya golongan penentang mengingkari bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* telah menetapkan sifat-sifat

⁵⁹ Sila lihat *al-Sunnah wa al-Syi'ah aw al-Wahabiyyah wa al-Rafidhah*, hlm. 83.

tersebut terhadap diri-Nya maka sudah pasti mereka mengingkari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Adapun *mentajsimkan* Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* adalah suatu yang mustahil menjadi pegangan kaum Muslimin. Sesiapa mendakwa demikian terhadap kaum Muslimin hendaklah ia mengemukakan bukti-bukti daripada kitab-kitab kaum Muslimin bukan hanya melontarkan tuduhan serta pembohongan.⁶⁰

- **'Abd. Allah 'Ali al-Qasimi.**

Beliau mengkritik golongan menyeleweng seperti al-'Amili serta selainnya. Ini disebabkan mereka melakukan pembohongan sehingga kata-kata mereka tidak boleh dipercayai. Di kalangan mereka termasuk golongan *al-Rafidhah* yang merupakan salah sebuah dari kumpulan Yahudi yang berpegang kepada akidah *al-tasybih* serta *al-tajsim*. Di dalam kitabnya *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah* beliau menolak al'Amili dengan berkata:

Secara realiti golongan yang menyeleweng dari landasan Tawhid sebenar sehingga mengada-adakan *al-tasybih* serta *al-tamthil* terhadap kesucian Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan menyerupakannya dengan makhluk ialah golongan *al-Rafidhah*.

Dalam hal ini, tidak ada perselisihan di kalangan ulama'

⁶⁰ Apa yang dimaksudkan Jisim di sini ialah makna yang batil seperti terdiri dari tubuh badan, atau tersusun daripada elemen atau unsur unsur (*Jawahir*).

bahawa *al-tasybih* merupakan konsep awal yang menyelinap masuk ke dalam kumpulan yang menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Ia termasuklah *al-Rafidhah* serta tokoh-tokoh mereka.

Selain itu, tidak ada perselisihan bahawa *al-tasybih* berasal dari kumpulan *Syi'ah* serta tokoh-tokoh mereka sehingga menjadi sebahagian dari akidah mazhab *Syi'ah*. Ini tidak menghairankan kerana pengasas kepada mazhab ini ialah seorang lelaki Yahudi bernama 'Abd. Allah bin Saba' sedangkan golongan Yahudi merupakan *Ahl-al-Tasybih* yang merendahkan kesucian Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.⁶¹

al-Qasimi menambah:

Adapun dakwaannya bahawa Syeikh al-Islam Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim serta golongan *Ahl al-Sunnah* negeri Najd mengatakan bahawa Allah itu berjisim, bagi-Nya arah, Dia menyerupai salah seorang dari makhluk-Nya dari sudut sifat, merupakan dakwaan yang penuh dengan pendustaan semata-mata.

Sekiranya tidak di dapati kitab-kitab Ibn Taymiyyah, anak-anak muridnya yang ikhlas serta *Ahl al Sunnah* Najd yang sudah dicetak serta disebarluaskan ke seluruh alam dan diketahui samada secara umum mahupun mendalam, maka sudah tentu bertambah laris pembohongan serta tuduhan tersebut. Hakikatnya si-pendusta ini menipu diri, ilmu serta menzalimi agamanya. Namun sudah sedia maklum, dia hanya mampu mempengaruhi golongan yang sedikit berpegang teguh kepada agama serta kebenaran.

⁶¹ Sila lihat *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah*, Jil. 1, hlm. 515.

Di sini terdapat hasil karya para ulama' Najd yang dicetak serta tersebar luas dipelbagai lapangan dan tempat, bahkan terdapat di tangan para penentang. Di dalamnya mengandung kenyataan mereka terhadap Allah, sifat-sifat-Nya sama ada yang berhubung dengan *Istiwa'* di atas '*Arash*, *Kalam-Nya*, *Nuzul* (turun)-Nya ke langit dunia serta sifat-sifat lain. Secara realiti, para pembaca kitab-kitab tersebut tidak akan mendapati di dalamnya golongan Wahabi menambah-nambahkan apa yang termaktub di dalam nas-nas al-Qur'an mahupun hadith-hadith yang sahih ataupun mereka menyatakan sesuatu terhadap Allah yang tidak termaktub di dalam al-Qur'an mahupun Sunnah Nabi-Nya *sallallahu 'alayhi wa sallam*.⁶²

Sesungguhnya para penuduh yang melemparkan tuduhan terhadap dakwah *al-Islahiyyah* ini dengan tuduhan *al-tasybih* serta *al-tajsim* hakikatnya mereka tidak memahami *al-Sifat* sebagaimana yang disifati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* terhadap diri-Nya atau sebagaimana yang disifati Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Sebaliknya mereka memahaminya dengan menyerupakannya dengan sifat-sifat manusia lalu mengambil sikap membatalkan sifat-sifat kesempurnaan Allah seperti *al-Istiwa'*, *al-Uluww*, *al-Kalam* serta selainnya. Maha Suci Allah *Subhanahu Wa Ta 'ala* yang Maha Tinggi dari apa yang dikatakan orang-orang yang zalim.

Secara realiti golongan inilah yang *mentasybihkan* sifat-sifat Allah dengan makhluk-Nya lalu diikuti dengan membatalkan sifat-sifat tersebut. Tidak cukup dengan

⁶² Sila lihat *al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah*, Jil. 1, hlm. 526.

kesesatan ini, mereka melakukan pendustaan dengan mengadadakan tuduhan palsu terhadap para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* dengan tuduhan *al-tajsim* dan *al-tasybih* sedangkan mereka (*al-Salafiyyah*) hanya mensifatkan Allah dengan apa yang disifati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* terhadap diri-Nya atau sebagaimana yang disifati Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*.

Kami mengakhiri bab ini dengan menyebutkan beberapa contoh permasalahan ini berdasarkan kitab-kitab para penentang supaya jelas kemungkaran serta kesesatan pegangan mereka.

Contoh Pertama

Ia merujuk kepada penulisan seorang ulama' *Syi'ah* yang dikenali sebagai Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Dawud al-Hamdany. Di dalam kitabnya *Izhaq al-Bathil*⁶³ beliau

⁶³ Bagi melihat kesungguhan usaha para pemimpin dakwah serta para pendokong mereka dalam menetapkan akidah *Asma' Allah Subhanahu Wa Ta'ala* dan *al-Sifatnya* serta menolak golongan yang menyalahinya sila lihat hasil karya seperti berikut:

1. *Jawab ahl al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Naqd Kalam al-Syi'ah wa al-Zaidiyyah* (terdapat dalam *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 92-164) karangan al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.
2. *Bayan Kalimah al-Tawhid wa al-Radd 'ala al-Kashmiri 'Abd. al-Mahmud* (disisipkan beserta kitab *Majmu'ah al-Rasa'il*, Jil. 4, hlm. 320-364) karangan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

menyebutkan pegangan golongan *Syi'ah* dengan mendakwa pegangan mereka sebagai suatu kebenaran. Ia seperti berikut:

Ketahuilah!, kami melihat dengan pandangan mata hati, maka kami dapati pegangan mazhab kami amat elok untuk diikuti serta dipatuhi. Menerusinya betapa agungnya kami mempersucikan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, Rasul-Nya serta para wali-Nya yang mulia di kalangan mazhab *Syi'ah*. Mereka adalah golongan yang berpegang teguh dengan pegangan yang mengatakan bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* wujud sejak azali lagi dimana apa sahaja selain-Nya adalah baru. Allah bukanlah jisim, bukan *jauhar* serta tidak bertempat kerana ia merupakan sifat bagi segala yang baru. Allah tidak boleh dilihat serta dicapai menerusi deria pancaindera.

Berdasarkan keterangan di atas golongan *Syi'ah*

-
3. *al-Barahin al-Islamiyyah* karangan al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan, helaian 3-4.
 4. *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, al-Rasail al-Syeikh 'Abd. al-Lathif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan*, Jil. 3, hlm. 99, 116, 118, 121, 221 dan 238.
 5. *Qasidah al-Syuhb al-Marmiyyah 'ala al-Mu'thillah wa al-Jahmiyyah* karangan Ahmad bin Musharrif.
 6. *Kasyf al-Awham wa al-Tibas 'an Tasybih badh al-Aghbiya' fi al-Fazhi al-Mubtadi'ah al Wakhimah* karangan Ibn Sahman.
 7. *Risalah al-Syeikh Hammad bin 'Atiq ila Sadiq Hassan Khan* yang menyangkut permasalahan sifat.
 8. *al-Fasl Hasim Bayna al-Wahabiyyin wa Mukhalifihim* (membahaskan Ketinggian Allah ke atas makhluk-Nya, menjawab ke atas pembohongan al-Dajwi dan permasalahan lainnya. Sila lihat hlm. 118-166.

mengingkari sebahagian dari apa yang Allah sifatkan terhadap diri-Nya serta apa yang disifati Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Mereka mengingkari sifat Ketinggian terhadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* serta keharusan melihat-Nya di Hari Akhirat kelak.

Contoh Kedua

Ia berdasarkan kenyataan salah seorang ahli Tasawwuf bernama al-Nabhani. Di dalam kitabnya *Syawahid al-Haq fi al-Istighosah bi Sayyid al-Khalq* beliau berkata seperti berikut:

Ternyata di sisi kami berdasarkan *Ahl al-Sunnah* sama ada golongan *Salaf* mahupun *Khalaf* yang mendapatinya dari sisi Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* kenyataan yang amat jelas serta tiada sebarang keraguan lagi iaitu mensucikan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dari arah yang tinggi serta rendah kerana ia merupakan sifat makhluk.

al-Nabhani seterusnya mengulas tentang *al-'Uluww* (sifat Ketinggian):

Adapun apa yang didapati secara zahir bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berada pada arah yang tinggi di atas langit, maka kenyataan ini wajib ditakwil. Ini kerana *thabit* kesempurnaan Allah dari sudut akal mahupun *syara'* bahawa Dia tidak dibatasi oleh arah yang tinggi mahupun arah selainnya.⁶⁴

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas bahawa al-Nabhani

⁶⁴ Sila lihat Yusuf bin Isma'il al-Nabhani, *Syawahid al-Haq fi al-Istighosah bi Sayyid al-Khalq*, Maktabah al-Halaby, Mesir, hlm. 129.

melakukan pembatalan terhadap beberapa sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* seperti *al-'Uluuw* (Ketinggian), *al-Istiwa*, *al-Nuzul* (Turun) dan mengadakan kedustaan mengatasnamakan para *al-Salaf al-Soleh* kononnya mereka berpegang kepada pandangan *al-ta'thil*.⁶⁵

⁶⁵ **Penterjemah:** Sehingga sini tamatlah terjemahan dari Bahagian Kedua kitab asal dari mukasurat 113 hingga 137.

Bahagian Ketiga

Tuduhan Palsu Bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad 'Abd. al-Wahhab Menafikan "Karamah" Para Wali (Awliya') Allah.

Pada bab ini kami memperbincangkan suatu pembohongan besar yang disebut oleh sebahagian para penentang dakwah *al-Salafiyyah* terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. 'Abd. al-Wahhab. Mereka mengemukakan tuduhan palsu bahawa beliau menafikan adanya "Karamah" pada para wali Allah.

Sebagaimana pada bab terdahulu, ianya dimulakan dengan kata-kata pendahuluan yang mengandungi ungkapan terpilih berdasarkan teks ucapan para pemimpin dakwah serta pendokongnya. Menerusinya akan terbukti dengan jelas bahawa mereka bersepakat seterusnya menetapkan adanya karamah yang berlaku pada para wali Allah sebagaimana yang disepakati para tokoh terdahulu di kalangan para *Salaf al-Soleh* serta golongan yang mengikuti ajaran mereka.

Seterusnya kami menyebutkan pula segala tuduhan palsu yang dikemukakan para penentang dakwah *al-Salafiyyah* sebagaimana tercatat di dalam hasil karya mereka. Menyusul selepasnya segala bantahan serta hujah yang mantap hasil penulisan pemimpin dakwah serta para pendokongnya sehingga membatalkan segala pembohongan dan kesalahan yang ditimbulkan.

al-Syeikh al-Imam Muhammad bin.'Abd. al-Wahhab menetapkan dengan jelas adanya karamah para wali Allah

dengan berkata:

Aku menetapkan adanya *karamat al-Awliya'* serta *al-Mukasyafat* yang terjadi ke atas mereka. Namun aku berpegang bahawa para wali Allah tidak mempunyai hak ke atas sesuatu yang merupakan hak mutlak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Selain itu tidak dipohon kepada mereka sesuatu yang mereka tidak berkuasa menunaikannya.⁶⁶

Beliau juga berkata:

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa; Susuilah dia. (al-Qasas 28:7). Ini adalah ilham dari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang menetapkan berlakunya karamah pada para wali Allah.⁶⁷

al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Muhammad `Abd. al-Wahhab seterusnya menyebutkan tentang hak para wali Allah:

Merupakan suatu kewajiban mengasihi mereka serta golongan yang mengikuti mereka dan juga menetapkan adanya kekeramatan ke atas mereka. Tidaklah mendustakan karamah para wali melainkan ahli *bid'ah* serta para penyesat agama. Sesungguhnya agama Allah berada di tengah-tengah dua persempadanan ini. Ia juga adalah petunjuk dan kebenaran di antara dua kesesatan dan kebatilan ini.⁶⁸

Kami mendapati bahawa keterangan di atas merupakan

⁶⁶ Sila lihat *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 10-11. Kata-kata al-Syeikh Imam ini termaktub juga dalam kitab *Jawab al-Jama'ah*, hlm. 199.

⁶⁷ Sila lihat *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 4, hlm. 282.

⁶⁸ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 169.

pegangan serta ketetapan para pendokong dakwah *al-Salafiyyah* selepas meninggalnya al-Syeikh al-Imam. Antaranya:

Pertama: al-Imam 'Abd. al-Aziz.

Beliau menyebut akan hak para wali Allah beserta penjelasan terhadap perbezaan antara wali yang benar dengan golongan yang berdusta dengan katanya:

Hak para wali Allah ialah mengasihi serta meredhai mereka dan beriman adanya *karamah* yang terjadi ke atas mereka. Namun janganlah berdoa kepada mereka bagi mendapatkan sesuatu kerana tiada sesiapa yang boleh mendatangkan kebaikan ataupun menolak kemudaratan kecuali Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sahaja. Ini merupakan pengkhususan dalam peribadatan bagi menunjukkan kebesaran serta kesucian Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Secara realiti, (ciri-ciri) kewalian yang dikehendaki agama Islam ke atas seseorang itu adalah nyata keperibadiannya dalam mengikuti Sunnah Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta bertaqwa kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Bukanlah dikatakan wali dengan mempamerkan kesucian diri, menunjukkan perkara-perkara ganjil serta dengan sebab dipermuliakan orang menerusi kucupan tangan, paluan gendang, mengambil harta secara zalim dan tipu muslihat apatah lagi jika menunjukkan kebencian terhadap Sunnah Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta segala hukum hakam *syari'at* baginda.⁶⁹

⁶⁹ Sila rujuk *Risalah Imam 'Abd. al-'Aziz al-Awwal*, hlm. 12.

Tanpa bersikap melampau (*ghulluw*) terhadap para wali Allah, al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab menyebutkan sebahagian dari hak para wali Allah dengan katanya:

Kami tidak mengingkari adanya karamah para *Awliya'*. Oleh itu kami mengiktiraf para wali Allah dengan kebenaran dimana mereka menerima petunjuk dari Tuhan mereka. Selain itu, dalam keadaan apa pun mereka wajib berada di atas landasan *syari'at* serta prinsipnya yang terpelihara. Mereka tidak berhak mencipta sesuatu yang berkait dengan urusan peribadatan sama ada yang berhubung dengan urusan keduniaan ataupun kehidupan sesudah mati. Selain itu dipohon doa dari salah seorang di kalangan mereka ketika masih hidup bahkan daripada setiap kaum Muslimin lainnya.⁷⁰

Kedua: al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz Husin.

Beliau menyatakan ketetapan para ulama' terdahulu terhadap hak para wali Allah dengan katanya:

Dan hak ke atas para wali Allah adalah dengan mengasihi, meredhai serta beriman wujudnya *karamah* ke atas mereka. Namun janganlah melakukan ibadat dengan bermohon doa kepada mereka kerana tidak ada yang memperkenankan sesuatu kebaikan ataupun menolak sesuatu keburukan melainkan Allah *Tabaraka Wa Ta'ala* semata-mata. Dimana ia merupakan ibadat khusus ditujukan kepada Allah sahaja.⁷¹

⁷⁰ *al-Durur al-Saniyah*, Jil. 1, hlm. 128.

⁷¹ *al-Durur al-Saniyah*, Jil. 2, hlm. 81.

Ketiga: al-Allamah al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hasan.

Syaeikh ini ditanya tentang karamah para wali Allah, maka beliau menjawab:

Adapun tentang persoalan: Karamah para wali adalah benar, namun adakah ianya boleh mencapai tahap menghidupkan orang yang sudah mati serta selain daripadanya yang termasuk dalam kategori Mukjizat? Maka jawabannya:

Karamah yang dikurniakan kepada para wali Allah adalah benar di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Seorang wali dikurniakan *al-karamah* menerusi keberkatannya sebagai pendakwah yang mengikuti Sunnah Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*, menjauhi segala jenis perbuatan *bid'ah* dan perkara yang bertentangan dengan *syari'at* Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Dimana menerusi *berittiba*(mengikuti) ini Allah mengurniakan bantuan-Nya yang terdiri dari para malaikat serta *ruh* daripada-Nya.⁷²

Keempat: al-Syeikh Mahmud Syukri al-Alusi.

Beliau *rahimahullah* menyebut tentang kewajipan beriman kepada karamah para wali Allah dengan katanya:

Sesungguhnya tidak ada keraguan bahawa *karamat al-Awliya'*, ia adalah benar. Ia berdasarkan kepada ketetapan al-Qur'an serta al-Sunnah. Dalam hal ini, Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah mengarang sebuah kitab yang amat bermanfaat

⁷² Sila rujuk *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 2, hlm. 83-84

bagi menerangkan segala hal yang berkaitan dengannya bertajuk *al-Furqan Baina Awliya' al-Syaitan wa Awliya' al-Rahman*.⁷³

Kelima: al-Syeikh Sulaiman bin Sahman.

Beliau menjelaskan pegangan para ulama' dakwah *al-Salafiyah* terhadap karamah para wali Allah dalam kitabnya *al-Asinah al-Haddad fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad*:

Ketahuilah bahawa kami tidak mengingkari karamah yang diperolehi para wali Allah apabila ia terbit dari prinsip yang diredhai serta diukur menerusi neraca *syari'at* Islam. Para wali Allah adalah golongan yang bertaqwa serta mengikuti sunnah Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Mereka melakukan apa yang diperintakkannya serta meninggalkan apa yang dilarangnya. Maka Allah mengurniakan bantuan daripada-Nya iaitu para malaikat serta *ruh* daripada-Nya. Allah juga mencampakkan cahaya daripada-Nya ke dalam hati mereka dan bagi mereka karamah yang Allah memuliakan para hamba-Nya di kalangan orang yang bertakwa.⁷⁴

Keenam: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Bulhid.

Kami mengakhiri kenyataan-kenyataan yang sangat berharga ini dengan menyatakan ucapan yang disampaikan oleh

⁷³ Sila rujuk *Fath al-Bayan Ttattimatu Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 413.

⁷⁴ *Fath al-Bayan Ttattimatu Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 180.

al-Syeikh 'Abd. Allah bin Bulhid *rahimahullah* ketika berlangsungnya perhimpunan (*Ijtima'*) antara alim ulama' Najd dengan Mekah. Ia sebagaimana berikut:

Demikianlah, wajib mengasihi serta mengakui keutamaan para wali Allah menerusi beberapa martabat. Selain itu, diakui juga kelebihan yang dikurniakan Allah kepada mereka seperti karamah dan beberapa perkara lain yang menyalahi adat kebiasaan (*Khawariq al-'Adat*). Dimana tidak mengingkari karamah para wali Allah melainkan golongan *Ah/ al-Bid'ah*.

Namun adalah wajib untuk membezakan di antara wali Allah dengan wali syaitan. Wali Allah adalah mereka yang bertaqwa serta mentaati titah perintah Allah. Firman Allah dalam mensifatkan mereka:

Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu, tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa. (Yunus 10:62-63)

Sesiapa yang kuat keimanannya kepada Allah maka Allah akan menjadikannya wali-Nya.⁷⁵

Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan ini, disepakati bahawa menetapkan adanya *karamat al-Awliya'* serta kewajiban mengasihi serta mengiktiraf keutamaan mereka. Adalah jelas bahawa wali Allah itu merupakan individu beriman yang mengikuti sunnah Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wa*

⁷⁵ *Fath al-Bayan Ttatimmatu Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 21.

sallam. Kewalian seseorang itu tidak dirujuk kepada cara berpakaian yang khusus, mempamerkan kesucian diri, menunjukkan perkara-perkara ganjil serta dengan sebab dipermuliakan orang menerusi kucupan tangan.

Selanjutnya diterangkan juga larangan bersikap melampau terhadap kedudukan para wali Allah. Selain itu kita juga dilarang bersikap kasar serta menunjukkan kebiadapan terhadap mereka. Sebaliknya di sisi para wali Allah mereka pula tidak berhak mereka cipta jenis-jenis ibadat yang tertentu.

Berdasarkan kenyataan di atas, para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* memilih jalan ini dimana agama Allah mempunyai kedudukan pertengahan di antara sikap melampau dan sikap kasar atau kebiadapan.

Tuduhan-Tuduhan Kepada al-Syeikh al-Imam.

Seterusnya kami menyatakan pula segala jenis tuduhan palsu para penentang al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta dakwah *al-Salafiyyah* yang menghentam serta melemparkan fitnah terhadap beliau serta para pendokongnya dengan mengatakan bahawa mereka mengingkari karamah *al-Awliya'*.

- **'Alawi al-Haddad.**

Dia mendakwa dalam kitabnya *Misbah al-Anam* bahawa di antara kekarutan yang dilakukan oleh al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab ialah menafikan adanya karamah *al-Awliya'*. al-Haddad berkata:

Di antara kekarutan beliau (al-Syeikh al-Imam) ialah mengingkari adanya karamah *al-Awliya'* serta apa yang dikhususkan Allah ke atas mereka daripada beberapa rahsia (*asrar*) dan keberkatan.⁷⁶

'Alawi al-Haddad ketika melabelkan al-Syeikh al-Imam dengan gelaran "kesesatan al-Najdi" menyatakan seperti berikut:

Dia melihat bahawa orang yang sudah mati tidak dapat memberi manfaat ke atas orang yang hidup serta tidak ada kekeramatan ke atas mereka (yang sudah mati itu). Dia juga mendakwa apabila seseorang itu mati maka terputuslah kekeramatannya, sehingga tersebarlah kenyataan ini di kalangan orang awam. Dan segala keangkuhan beliau dengan pendapatnya ini diketahui umum. Apabila daku menetapkan kekeramatan ke atas para wali sewaktu mereka hidup ianya turut menetapkan ketika mereka mati. Dimana mendustakan kekeramatan mereka ketika mati seolah-olah mendustakan kedua-duanya sekali.⁷⁷

- **'Umar al-Mahbub.**

Bagi menolak al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, 'Umar al-Mahbub membuat tuduhan palsu ini di dalam risalahnya: Beliau mengisytarkan dalam kitabnya penafian terhadap karamah *al-Awliya'* serta tidak bermanfaat memohon doa

⁷⁶ *Misbah al-Anam*, hlm. 18.

⁷⁷ *Misbah al-Anam*, hlm. 23. Berkenaan berlakunya karamah sesudah mati sila lihat hlm. 23-29.

sedangkan apa yang ia nyatakan itu bercanggah dari asas-asas iman serta jalan yang lurus.⁷⁸

- **al-Lakanhuri.**

Dia mengemukakan dakwaan dengan menelan bulat-bulat suatu tuduhan yang dimuatkan dalam bukunya *Kashf al-Niqab* seperti berikut:

Bab ketiga: "Aqidah beliau (al-Syeikh al-Imam) terhadap para wali Allah ialah dengan mengingkari kekeramatan serta keharusan menziarahi mereka (sesudah mati). Dia serta orang-orang yang mengikutinya mengemukakan penjelasan yang panjang lebar yang kami terangkan sebahagian daripadanya supaya para pengkaji dapat menyelidikinya dengan lebih teliti.⁷⁹

- **Daud bin Sulayman bin Jurjis.**

Sementara itu, Daud bin Sulayman bin Jurjis menulis tentang kedudukan para wali Allah dengan mengambil pendirian yang melampau (*al-Ghulluw*) terhadap mereka dengan katanya:

Adapun bertawassul serta meminta pertolongan (*syafa'at*) dengan para Nabi serta para wali dimana bagi para wali adalah menerusi jalan *al-Karamah*. Ianya dapat dilakukan

⁷⁸ Sila rujuk *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, cetakan pertama, al-Matba'ah al-Tunisiyyah, Tunis, 1327H, hlm. 7.

⁷⁹ *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 41.

walaupun melalui perantaraan alam *Barzakh* (telah meninggal dunia). Namun *al-Karamah* terhenti apabila para wali sampai ke alam akhirat iaitu setelah berlakunya kiamat.⁸⁰

- **Ibrahim al-Samanwudi.**

Ibrahim al-Samanwudi menyebut dalam kitabnya *Sa'adah al-Darain* suatu kenyataan yang agak mengelirukan dengan tujuan yang tidak baik terhadap kata-kata para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* berkenaan terputusnya amalan serta keupayaan orang yang sudah mati. Ini bagi menyatakan kononnya para pemimpin tersebut mengingkari adanya karamah *al-Awliya'*. al-Samanwudi berkata:

Adapun perkataan orang-orang yang mengingkari *al-Tawassul* serta ketidakupayaan orang yang mati melakukan sesuatu adalah bertujuan mengingkari karamah *al-Awliya'* dan mengingkari adanya keupayaan para Nabi serta *Syuhada'* (untuk memberi manfaat kepada yang hidup) selepas mereka meninggal dunia. Sebenarnya kenyataan mereka ini kosong daripada bahan bukti bahkan mereka itu *ahl al-Bid'ah* seperti golongan *Muktazilah* yang mengingkari perkara tersebut.⁸¹

⁸⁰ Sila rujuk *al-Minhah al-Wahabiyyah fi Radd al-Wahabiyyah*, Maktabah al-Haqiqah Istanbul, 1403H, hlm. 23; 33.

⁸¹ *Sa'adah al-Darain fi al-Radd 'ala al-Firqatain al-Wahabiyyah wa Muqallidah al-Zohirah*, cetakan Idarah Jaridah Islam. Mesir, 1319H, Jil. 1, hlm. 228.

- **Hasan al-Syathi.**

Dia berkata dalam risalahnya *al-Naqul al-Syar'iyyah*:

Adapun karamah *al-Awliya'* ia adalah benar. Dalam hal ini, Imam Ahmad menjatuhkan hukuman sesat terhadap golongan yang mengingkarinya. Para ulama' mazhab Hanbali serta selain mereka di kalangan *Ahl al-Sunnah* bersepakat menetapkannya. Namun, satu golongan yang dikenali sebagai *Wahabi al-Najdiyah*, walaupun mereka menetapkan adanya *Karamat al-Awliya'*, ianya khusus ketika mereka masih hidup sahaja. Walaubagaimanapun golongan ini tidak mengemukakan dalil yang spesifik berkenaannya.⁸²

Hasan al-Syathi seterusnya menyebutkan kata-kata al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. Wahhab berkenaan karamah *al-Awliya'*. Dalam hal ini beliau berdusta kerana mengubahsuai kata-kata al-Syeikh al-Imam sebagaimana berikut:

Kami tidak mengingkari adanya karamah *al-Awliya'*. Oleh itu kami mengiktiraf para wali Allah dengan kebenaran dimana mereka menerima petunjuk dari Tuhan mereka. Selain itu, dalam keadaan apa pun mereka wajib berada di atas prinsip syari'at serta landasannya yang terpelihara ketika mereka masih hidup dan juga sesudah mati. Selain itu mereka tidak berhak mencipta sesuatu yang berkait dengan urusan

⁸² *al-Nuqul al-Syar'iyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah* (mengandung beberapa himpunan kitab), cetakan kedua, Maktabah al-Taahdzib, Kaherah, hlm. 104.

peribadatan.⁸³

Sedangkan kenyataan sebenar al-Syeikh al-Imam adalah seperti berikut:

Kami tidak mengingkari adanya karamah *al-Awliya'*. Oleh itu kami mengiktiraf para wali Allah dengan kebenaran dimana mereka menerima petunjuk dari Tuhan mereka. Selain itu, dalam keadaan apa pun mereka wajib berada di atas landasan *syari'at* serta prinsipnya yang terpelihara. Mereka tidak berhak mereka cipta sesuatu yang berkait dengan urusan peribadatan sama ada yang berhubung dengan urusan *keduniaan* ataupun *kehidupan sesudah mati*. Selain itu dipohon doa dari salah seorang di kalangan mereka ketika masih hidup bahkan daripada setiap kaum Muslimin lainnya.⁸⁴

Hasan al-Syathi seterusnya berkata:

Lihatlah kenyataan Imam mereka ini. Ianya tidak bercanggah dengan apa yang ditetapkan majoriti kalangan ulama berkenaan adanya *al-Karamah* serta kehidupan para *Syuhada'* serta wali Allah selepas kematian mereka sebagaimana kehidupan mereka di atas dunia. Namun golongan Wahabi semasa serta selain mereka hanya mengkhususkan *al-Karamah* serta *al-Tawassul* ketika kehidupan mereka di atas dunia sahaja. Ini menunjukkan sifat kedegilan yang sebenarnya

⁸³ Perubahan yang dilakukan al-Syathi terhadap kata-kata al-Syeikh al-Imam bertujuan membenarkan amalan yang melampau (*al-Ghullu*) iaitu meminta pertolongan (*al-Istighosah*) terhadap orang yang sudah mati.

⁸⁴ Sila lihat *al-Durar al-Saniyyah*, Jil. 1, hlm. 128.

mengatasi kejahilan mereka.⁸⁵

- **Usman bin Yahya al-'Alawi.**

Dia⁸⁶ yang memusuhi pergerakan dakwah *al-Salafiyyah* menyatakan suatu pembbohongan besar bertujuan memfitnah al-Syeikh al-Imam menerusi kata-katanya: al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab mengkafirkan sesiapa yang mempercayai karamah *al-Awliya*. Di tempat lain: Sesungguhnya beliau mengingkari kewujudan karamah *al-Awliya*.⁸⁷

al-Alawi seterusnya menyisipkan pembbohongan besar Muhammad bin Taufiq Sawqih, musuh kepada pergerakan dakwah *al-Salafiyyah* menerusi kata-katanya:

*Mereka mengingkari Karamat al-Awliya' yang thabit di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah sedangkan diketahui umum ianya tidak berlaku melainkan terhadap sesiapa yang bersungguh-sungguh mengikuti syari'at sehingga terhasilnya perkara tersebut. Secara realiti, golongan Wahabiyyah menyimpang dari jalan yang benar.*⁸⁸

Muhammad bin Taufiq al-Sawqih seterusnya berkata: Tidak perlu diberikan perhatian terhadap kenyataan *al-Wahabiyyah* yang mengingkari karamah setelah *thabit* perkara tersebut (menerusi al-Qur'an dan al-Sunnah).⁸⁹ Selanjutnya

⁸⁵ *al-Nuqul al-Syar'iyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 104-105.

⁸⁶ Saya tidak berkesempatan mengkaji tentang beliau ini.

⁸⁷ *Fasl al-Khitab fi Bayan al-Sawwab*, hlm. 42.

⁸⁸ *Fasl al-Khitab fi Bayan al-Sawwab*, hlm. 22.

⁸⁹ *Fasl al-Khitab fi Bayan al-Sawwab*, hlm. 25.

beliau berkata: Ketika golongan *Wahabiyyah* tidak lagi mempunyai ketua, mereka telah mencipta suatu pembohongan yang seolah-olah ianya suatu agama baru disebabkan kecenderungan mereka mengingkari karamah...⁹⁰

- **Hasan Huzbik:**

Adalah suatu kesilapan mengatakan bahawa karamah *al-Awliya'* tidak berlaku kecuali ketika kehidupan para wali Allah di atas dunia sahaja dan lenyap sesudah matinya. Sesungguhnya karamah merupakan perkara yang menyalahi adat kebiasaan. Ia dizahirkan Allah ke atas orang yang salih yang berpegang dengan agama yang hak.⁹¹

- **Malik bin Daud.**

Bagi mengakhiri kenyataan serta tuduhan palsu terhadap dakwah *al-Salafiyyah* kononnya mereka mengingkari karamah *al-Awliya'* kami nyatakan apa yang ditulis oleh Malik bin Daud menerusi kitabnya *al-Haqaiq al-Islamiyyah* seperti berikut:

Kesalahan besar yang mereka lakukan setelah mengkafirkan kaum Muslimin ialah mengingkari adanya kekeramatan para wali Allah serta persetujuan mereka terhadap gerakan modenisasi.

Seterusnya beliau berkata:

Di kalangan golongan Wahabi terdapat ramai yang

⁹⁰ *Fasl al-Khitab fi Bayan al-Sawwab*, hlm. 26.

⁹¹ *Al-Maqalat al-Wafiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, hlm. 206.

mengingkari kewujudan para wali Allah serta kekeramatan mereka. Golongan ini menolak berlakunya keramat atau perkara luarbiasa yang berlaku kepada para wali Allah. Pandangan mereka itu sebenarnya tidak beradab serta tidak menghormati kedudukan para wali Allah Ta'ala.⁹²

Menerusi nukilan-nukilan di atas, dapat disimpulkan:

1. Wujudnya pertentangan serta kekeliruan di kalangan para penentang terhadap penipuan serta pembohongan yang cuba mereka lakukan. Di kalangan mereka ada yang mendakwa bahawa al-Syeikh, pengikut serta pendokongnya mengingkari wujudnya karamah para wali Allah. Sebaliknya ada yang mendakwa pengingkaran ini terhadap orang yang sudah mati sahaja. Ini jelas menerusi kenyataan 'Alawi al-Haddad. Sementara itu terdapat di kalangan para penentang yang menyatakan ketetapan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* terhadap karamah para wali Allah. Ini menerusi Muhammad bin 'Abd. al-Majid bin Kiran al-Fasi. Di dalam risalahnya *al-Radd 'ala ba'dh al-Mubtadi'in min al-Toifah al-Wahabiyyah*, beliau berkata:

Si-pembuat bid'ah ini mengisytiharkan di dalam risalah terkemukanya penetapan terhadap karamah. Katanya: Wajib ke atas engkau menetapkan adanya karamah ke atas mereka. Tidak menafikannya melainkan golongan bid'ah serta para

⁹² Malik bin Dawud, *al-Haqaiq al-Islamiyyah fi al-Radd 'ala al-Muza'im al-Wahabiyyah*, cetakan pertama, Maktabah al-Haqiqah, Istanbul, 1403, hlm. 25.

penyesat agama.⁹³

Muhammad Jawwad Mughniyyah walaupun menyebutkan penetapan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* terhadap karamah para wali, tetap menyatakan kutukan terhadap mereka. Dia berkata:

Golongan Wahabi mempercayai adanya karamah para wali Allah. Di mana Allah anugerahkan kepada mereka perkara luar biasa serta pelbagai jenis ilmu al-Mukasyafat.

2. Para penentang di dalam pentakrifan mereka terhadap karamah serta batasannya, menyangka bahawa karamah adalah perbuatan para wali Allah, sedangkan hakikatnya ia merupakan perbuatan Allah dimana para Wali hakikatnya tidak mempunyai kuasa serta pengaruh terhadapnya.

3. Kami dapati bahawa para penentang di dalam penetapan mereka terhadap karamah para *awliya'* Allah melakukan pelbagai jenis perbuatan syirik serta perkara yang diadadakan. Mereka mengharuskan *al-Istighosah* (meminta pertolongan) kepada para wali yang sudah mati di dalam perkara yang hanya Allah sahaja mampu melakukannya serta meminta doa kepada mereka dalam memohon hajat tertentu.

Perbuatan syirik ini disertakan dengan penetapan terhadap karamah para wali di dalam bab menyangkut mengasihi serta memuliakan mereka. Menurut mereka, sesiapa yang mengingkari perkara ini maka ia mengingkari karamah. Ini

⁹³ Muhammad bin 'Abd. al-Majid bin Kiran al-Fasi, "*al-Radd 'ala ba'dh al-Mubtadi'in min al-Toifah al-Wahabiyah*", cetakan pertama, Matba'ah al-Taqaddum, Mesir, 1328H, hlm. 19.

menunjukkan bahawa di sisi mereka kebanyakan perkara syirik tersebut menjadi perkara agama yang disyariatkan. Ini disebabkan ia berkait dengan penetapan mereka terhadap karamah para *awliya'*. Ia termaktub di dalam kitab-kitab mereka, antaranya:

- al-Qabbani di dalam *Fasl al-Khitab*: Meminta pertolongan kepada para *awliya'* (*Ighothah*) menerusi karamah mereka.⁹⁴
- al-Zahawi di dalam *Fajr*: Apa yang dikehendaki menerusi *al-Istighosah* serta *al-Tawassul* dengan para *anbiya'* serta orang-orang salih di mana ia sebagai perantaraan (*asbab*) serta jalan bagi memperolehi hajat. Namun Allahlah sebagai Pelaku kepada karamah mereka.⁹⁵

Jawapan Terhadap Tuduhan.

- **al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab:**

Apa yang dinyatakan para penentang terhadapku bahawa daku melarang dari mengasihi mereka (para wali) hakikatnya adalah suatu penipuan serta pembohongan yang dikenakan ke atasku oleh para syaitan.⁹⁶

Beliau juga berkata:

Adapun orang-orang yang salih, semoga Allah meredhai

⁹⁴ helaian 42

⁹⁵ hlm. 53.

⁹⁶ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 52.

kebaikan yang mereka lakukan. Namun kami mengatakan mereka bukanlah tempat untuk ditujukan permohonan doa. Firman Allah Ta'ala:

Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah. Maka janganlah kamu menyembah seseorangpun di dalamnya di samping (menyembah) Allah. (al-Jin : 18)⁹⁷

- **al-Syeikh Sulayman bin Sahman:**

Adapun jawapan terhadap dakwaan bohong serta mengandungi kesalahan ini, secara realiti al-Syeikh *rahimahullah* tidak sekali-kali menafikan karamah para *awliya'*, bahkan menetapkannya. Tidak mengingkarinya melainkan golongan yang dipengaruhi syaitan-syaitan. Dimana para wali Allah mempunyai tanda-tanda pada diri mereka. Antaranya

⁹⁷ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 101. Lihat juga *al-Durar al-Saniyyah* 1/65. Adalah elok juga di sini membawa kenyataan al-Syeikh Abu Buthayn sebagaimana termaktub di dalam kitabnya *Ta'sis al-Taqdis*, hlm. 85, di mana ada seorang lelaki penduduk Mekah yang dikatakan berilmu pengetahuan tinggi berkata kepada seorang lelaki biasa di kalangan penduduk Najd: Apakah sikap kamu terhadap para *awliya'*? Tidakkah mereka juga mempunyai kuasa serta keupayaan? Ini sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *Mereka hidup dan diberi rezeki di sisi Tuhan mereka*. Maka jawab lelaki Najd itu: Apakah perkataan *Yurzaqun* dengan difathahkan huruf al-Ya' atau *Yurzaqun* dengan didhomahkannya? Kalau difathahkan maka ia berbunyi *Yarzuqun* (Mereka yang memberi rezeki). Kalau ia dengan difathahkan huruf maka aku akan meminta rezeki dari mereka. Kalau ia dengan dengan didhomahkan (dan ini bacaan yang sebenar –penterjemah), maka aku akan meminta rezeki dari yang memberi rezeki kepada mereka (iaitu Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*). Maka berkata lelaki sie penduduk Mekah yang dikatakan berilmu tinggi tadi: Bagus sungguh hujah kamu ini, lalu dia pun mendiamkan diri.

kasih kepada Allah serta Rasul-Nya, melazimi apa yang diperintahkan Allah serta Rasul-Nya dan tunduk kepada al-Qur'an serta al-Sunnah di dalam setiap tindakan yang dilakukan.⁹⁸

Ibn Sahman di dalam bantahannya terhadap hikayat-hikayat berkenaan karamah para *awliya'* selepas mereka meninggal dunia yang dikemukakan al-Haddad berkata:

Si-mulhid ini mengemukakan cerita serta hikayat karamah para wali yang tidak sah serta batil. Daripadanya diperolehi perkara khurafat serta kata-kata karut yang tidak berasaskan syariat agama. Apa yang ada di dalamnya tidak dapat dikatakan karamah yang sebenarnya kerana mereka menyeru kepada selain Allah serta melakukan *al-Istighosah* dengan penuh kesungguhan serta bantuan ataupun meminta kepada para wali tersebut agar menunaikan hajat serta perkara ganjil lainnya.⁹⁹

- **Nasir al-Din al-Hijazi:**

Kami tidak mendengar sesiapa pun di kalangan rakan-rakan kami yang mengingkari karamah para *awliya'*. Sekiranya ia wujud, maka pengingkaran tersebut berasaskan kedustaan serta sesuatu yang tidak dapat diterima akal serta dalil agama yang mengatasmakan karamah para *awliya'*. Maka bagaimanakah ia boleh dinafikan oleh golongan yang mengikuti Kitab Allah serta Sunnah Rasul-Nya?

⁹⁸ *Al-Asinah al-Haddad fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad*, hlm. 128.

⁹⁹ *Al-Asinah al-Haddad fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad*, hlm. 179.

Namun kemungkinan wujud segelintir rakan kami yang mengutip kata-kata orang awam yang tidak berasaskan pembuktian sehingga hitamlah sebahagian helaian kitab-kitab mereka. Maka ia tidak perlu diberikan perhatian. Dalam hal ini, kami mempertanggungjawabkan kepada orang yang membuat dakwaan tersebut agar mengambil sumber autentik berasaskan kitab-kitab yang diperakui. Sekiranya ia melakukan demikian, kami akan bersama-samanya di dalam menolak kemungkaran namun berasaskan kepada mengaplikasikan sumber-sumber yang kuat serta sahih.¹⁰⁰

Kami telahpun menyatakan kenyataan para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* serta tokoh *mujaddidnya* al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dalam menetapkan kewujudan karamah para *awliya'* serta bantahan mereka terhadap tuduhan palsu para penentang. Maka ia tidak perlu kepada penjelasan panjang lebar lagi.

Namun disamping penetapan ini para pemimpin dakwah *al-Salafiyyah* tidak pula tertipu dengan apa yang dinamakan sebagai perkara luar biasa (*Khawariq al-'Aadat*) yang terjadi kepada para wali Allah. Kemungkinan sebahagian perkara luar biasa ini terjadi ke atas para wali syaitan menerusi sihir, penipuan dan pelbagai jenis silap mata. Oleh itu tanda ukuran sebenar para wali Allah ialah mereka beriman serta berpegang teguh mengikuti Sunnah Nabi kita Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta keinginan mereka yang teramat sangat kepada *al-Istiqomah* bukannya menuntut perkara luarbiasa.

Dalam hal ini al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-

¹⁰⁰ *Al-Nufkah 'ala al-Nufhah*, hlm. 50.

Wahhab ketika mengulas kisah yang terjadi antara Nabi Adam 'alayh al-salam dengan Iblis berkata:

Tidak sepatutnya bagi orang beriman tertipu dengan perkara luar biasa terutama jika berlaku terhadap seseorang yang tidak berpegang teguh dengan titah-perintah Allah. Iblis, musuh Allah itu walaupun mampu melakukan perkara luar biasa namun ia kembali menjadi suatu penghinaan serta nasib malang buatnya. Maka orang beriman seharusnya dapat membezakan karamah serta selainnya dimana karamah berasaskan kepada sikap *istiqomah* mematuhi titah perintah Allah.¹⁰¹

Beliau seterusnya berkata:

Merujuk penjelasan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berkaitan para wali-Nya, dimana Dia membezakan antara mereka dengan golongan yang menyerupai (*mutasyabbihin*) di kalangan musuh-musuh Allah seperti golongan munafik dan fasik. Mencukupi hal ini, ayat-ayat al-Qur'an seperti berikut:

Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihimu." (Ali Imran 3:31)

Hai orang-orang yang beriman, barangsiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan merekapun mencintai-Nya" (al-Maidah 5:54)

Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu, tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. (Iaitu) orang-orang yang beriman dan

¹⁰¹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 4, hlm. 95.

mereka selalu bertakwa” (Yunus 10:62-63)

Selain itu, wujud di kalangan golongan yang mendakwa dirinya berilmu, beranggapan para wali semestinya meninggalkan daripada mengikuti jalan para Rasul. Hakikatnya sesiapa yang mengikuti golongan ini dia berada di atas jalan kesesatan.¹⁰²

al-Syeikh al-Imam Muhammad bin ‘Abd. al-Wahhab seterusnya menjelaskan sifat golongan jahiliyyah yang mempercayai perkara luarbiasa sihir bahawa ia merupakan bahagian dari karamah para wali Allah:

Yang kesepuluh: Kepercayaan mereka terhadap perkara luar biasa, sihir serta yang seumpama dengannya bahawa ia merupakan bahagian dari karamah para wali Allah. Seterusnya mereka mengaitkan pula perkara tersebut dengan para *ambiya* ‘*alayhimussola tuwassalam* seperti Nabi Sulayman ‘*alayh al-salam*.¹⁰³

al-Syeikh ‘Abd. al-Zahir Abu al-Samh *rahimahullah* menyebutkan tentang kejahilan para penyembah atau pencinta kubur ketika mereka mempercayai bahawa karamah hanya merujuk kepada perkara luar biasa sahaja. Selain itu mereka melihat perbuatan sihir serta kerosakan lainnya sebagai bahagian dari jenis-jenis karamah. Di dalam *al-Risalah al-Makkiyahnya* beliau berkata:

Di antara kejahilan para penyembah atau pencinta kubur adalah mereka mempercayai karamah sebagai perkara

¹⁰² *Majmu‘ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 395.

¹⁰³ *Majmu‘ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 1, hlm. 340.

luar biasa sahaja tanpa sebarang penambahan mahupun pengurangan. Mereka mempercayai bahawa sesiapa yang dapat mempertontonkan perkara luar biasa walaupun hasil daripada sihir serta ilmu hitam maka ia adalah karamah dan dianggap sebagai wali Allah pada pandangan mereka.¹⁰⁴

Selain itu, secara realiti terdapat perbezaan di antara kehidupan para wali Allah ketika di dunia dan sesudah mati. Ini menyalahi pandangan para penentang bahawa keadaan mereka di kedua-dua kehidupan tersebut adalah sama. Dalam hal ini al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hasan *rahimahullah* ketika menjawab Dawud bin Jurjis yang mendakwa keadaan para wali sesudah mati laksana keadaan mereka di atas dunia dahulu berkata:

Sebagai membatalkan terus kata-katanya maka dinyatakan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* seperti berikut:

Dan tidak pula sama orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Allah memberikan pendengaran kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan kamu sekali-kali tidak sanggup menjadikan orang yang di dalam kubur dapat mendengar. (al-Fatir: 22)

Berdasarkan ayat ini, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* tidak menjadikan suatu persamaan antara kehidupan di atas dunia dengan kehidupan selepas mati.¹⁰⁵

¹⁰⁴ *al-Risalah al-Makkiyah fi al-Radd 'ala al-Risalah al-Ramliyah*, cetakan pertama, Matba'ah al-Manar, Mesir, 1349H, hlm. 25.

¹⁰⁵ *Al-Qawl al-Fasl al-Nafis fi al-Radd 'ala al-Muftari Dawud bin Jurjis*, cetakan kedua, Dar al-Hidayah, al-Riyadh, 1405, hlm. 36.

Seterusnya kami menyatakan penetapan sebahagian para ulama' *al-Salafiyyah* tentang batasan karamah serta pentakrifannya bagi menunjukkan kesalahan serta kesesatan para penentang dalam memahami pengertian karamah. Ia berasaskan susunan kesesatan serta kekarutan mereka terhadap pengertiannya serta sikap melampau mereka terhadap para wali Allah.

- **al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Tahami:**

Karamah merupakan perbuatan Allah bagi memuliakan menerusinya sesiapa yang dikehendaki-Nya di kalangan hamba-hamba-Nya. Ia bermanfaat bagi menundukkan sebahagian dengan sebahagian lain di kalangan hamba-hamba-Nya. Namun ia tidak menunjukkan bahawa seseorang itu dapat menghasilkannya dari dirinya sendiri bahkan ia disandarkan (merujuk) kepada Allah jua.¹⁰⁶

- **al-Syeikh Sana' Allah al-Hanafi al-Halabi.¹⁰⁷**

Dalam kitabnya yang dikarang bagi menjawab dakwaan bahawa kehidupan para wali di dunia dan sesudah mati berasaskan jalan karamah, beliau berkata:

Karamah merupakan kurniaan Allah bagi memuliakan para wali-Nya. Namun ia bukan merupakan tujuan, matlamat

¹⁰⁶ *Ayqaz al-Wasnan 'ala Bayan al-Khilal allazi fi Sulh al-Ikhwān*, berdasarkan manuskrip yang terdapat di Universiti al-Malik Sa'ud, helaian 20.

¹⁰⁷ Bagi mengetahui Biografinya sila lihat *Mu'jam al-Muallifin*, Jilid 5, hlm. 24.

atau kehendak para wali. Dengan itu ia tidak boleh ditentang sama ada dengan kekuatan mahupun ilmu.¹⁰⁸

- **al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hasan:**

Karamah merupakan kurniaan Allah terhadap hamba-Nya yang bukan diperolehi menerusi hasil usaha manusia. Ia terjadi ke atas hamba-hamba-Nya yang berhak menerimanya yang beribadat serta tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain. Dengan itu karamah hanya terjadi dengan sebab keikhlasan mereka mentawhidkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.¹⁰⁹

- **al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. al-Rahman bin Hasan:**

Diketahui umum tentang batasan karamah di mana ia merupakan perkara luar biasa kurniaan Allah ke atas hamba-hamba-Nya. Ia tidak dapat ditentang oleh sesiapa pun.¹¹⁰

Seterusnya dia berkata:

Golongan mulhid serta para penyembah kubur menipu daya manusia dengan mengaitkan perkara luar biasa yang mereka lakukan lalu menyandarkannya kepada karamah para

¹⁰⁸ Dipetik dari *al-Intisar li Hizbullah al-Muwahhidin*, cetakan ketiga, Maktabah al-Sahabah, Kuwait, hlm. 45.

¹⁰⁹ *Al-Qawl al-Fasl al-Nafis*, hlm. 52.

¹¹⁰ *Al-Barahin al-Islamiyyah fi al-Radd al-Syibh al-Farasiyyah*, Manuskrip, Maktabah al-Sa'udiyah, helaian 24.

wali Allah. Mereka mendakwa sesiapa yang menafikan kelebihan yang ada pada mereka maka ia menafikan karamah. Secara realiti para ahli kebenaran tidak pula mengingkari karamah yang telah termaktub di dalam al-Qur'an al-karim sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu, tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. (Yunus 10:62)

Sesungguhnya orang-orang yang mengata-kan: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka tetap istiqamah, tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. (al-Ahqaaf 46:13)

Sepanjang masa, golongan ahli kebenaran menetapkan perkara luar biasa terhadap para wali Allah. Namun ini bukanlah bukti menunjukkan mereka bebas melakukannya dengan kemahuan sendiri. Ini kerana karamah merupakan perkara luar biasa kurniaan Allah ke atas para wali-Nya, bukannya hasil perbuatan para wali.¹¹¹

- ***al-'Allamah Mahmud Syukri al-Alusi:***

Setiap yang menyatakan pentakrifan karamah serta batasannya akan berkata: "Ia merupakan perkara luar biasa kurniaan Allah kepada para wali-Nya menerusi hikmah serta kemaslahatan yang ditentukan Allah jua." Menerusi pentakrifan ini, karamah sama sekali bukan hasil tindakan serta kehendak para wali. Maka tidak ada sebab untuk memohon doa menerusi karamah mereka kerana dari sudut

¹¹¹ *Al-Barahin al-Islamiyyah*, helaian 42.

mana karamah menjadi bukti terhadap kebenaran perbuatan tersebut?¹¹²

- **al-Syeikh 'Abd. al-Zahir Abu al-Samh:**

Karamah tidak dimiliki atau dikuasai seseorang jua pun hasil dari perbuatan dirinya. Bahkan ia kurniaan Allah bagi memuliakan sesiapa sahaja di kalangan para hamba-Nya kesan dari keimanan serta ketakwaan. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

Dan barangsiapa yang dihinakan Allah maka tidak seorangpun yang memuliakannya. (al-Hajj 22:18)

Karamah merupakan perbuatan Allah serta perkara luar biasa kurniaan-Nya terhadap para wali-Nya, bukan hasil perbuatan mereka. Maka ia tidak boleh dituntut. Yang seharusnya dipohon atau merupakan tujuan serta matlamat sebenar para wali ialah *istiqomah* serta keteguhan mengikuti sunnah Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam*.

(Maka) mengapa karamah menjadi buruan? Walau pun ia terjadi ke atas golongan yang mempunyai keunggulan namun kedudukan mereka tetap di bawah golongan terbaik (iaitu generasi sahabat). Dalam hal ini, karamah lebih banyak terjadi ke atas para tabi'in berbanding para sahabat *radiyallahu 'anhum*. Ini bagi memperbaiki serta memperteguhkan keimanan para tabi'in yang kedudukannya di bawah kemantapan iman

¹¹² *Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis*, hlm. 413.

para sahabat *radhiyallahu 'anhum*.¹¹³

- **al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hasan:**

Karamah bukanlah suatu keperluan bagi mempertingkatkan darjat serta status seseorang. Betapa ramai yang langsung tidak mempunyai karamah namun kedudukan serta keimanannya lebih teguh mengatasi individu yang dikurniakan karamah.¹¹⁴

Berasaskan susunan kesalahan serta kesesatan golongan penentang dalam mendefinisikan pengertian karamah, mereka banyak memasukkan unsur kekufuran serta perkara yang diada-adakan. Mereka memohon doa kepada orang yang sudah mati, *beristighosah* serta bertawasul kepada mereka serta menjadikan kubur para wali laksana sambutan pesta perayaan. Mereka mengatasnamakan karamah di atas segala perbuatan ini serta mendakwa ia sebagai tanda mengasihi para wali Allah serta keupayaan yang dapat dilakukan para wali Allah. Mahmud Syukri al-Alusi *rahimahullah* berkata:

Perkara yang semestinya diambil perhatian: Daripada tipudaya golongan melampau yang memperdaya golongan awam dengan kata-kata mereka bahawa "*al-istighosah* kepada orang yang sudah mati, menyeru mereka untuk sesuatu keperluan,

¹¹³ Bagi memperoleh huraian secara detail sila rujuk kitab *al-Furqan Bayna Awliya' al-Rahman wa Awliya' al-Syaitan* karangan Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah.

¹¹⁴ *Dala'il al-Rasukh fi al-Radd 'ala al-Manfukh*, hlm. 52 dan 53.

hakikatnya merupakan tanda-tanda mengasihi para wali Allah. Sesiapa yang mengingkarinya bahkan enggan melakukannya, dia dikatakan membenci para wali Allah serta mengingkari kekeramatan mereka.”

Betapa mengarutnya kata-kata golongan ini. Secara realiti, sesiapa yang mengingkari segala perbuatan *bid'ah* serta kesesatan ini mereka sebenarnya golongan yang mengasihi, memelihara petunjuk serta memelihara jalan para wali Allah tersebut.¹¹⁵

Bagi menambah penjelasan yang dikemukakan al-Alusi, kami menyatakan jawapan serta bantahan para ulama' *al-Salafiyah* lainnya. Ia seperti berikut:

- **Sana' Allah al-Halabi al-Hanafi:**

Muncul dikalangan kaum muslimin ketika ini, golongan yang mendakwa kehidupan para wali sesudah mati sama dengan kehidupan mereka di atas dunia. Dengan itu boleh *beristighosah* kepada mereka bagi menghilangkan kesukaran, bala bencana serta memperolehi perkara lain. Mereka pun berbondong-bondong menuju ke perkuburan para wali bagi memohon serta memperkenankan hajat-hajat dengan menyangka ianya hasil kekeramatan.

Mereka berkata lagi: Di kalangan para wali ada golongan *Abdal*, *Nuqaba'*, *Awtad*, *Nujaba'*, dan *Qutb* yang dapat memberikan bantuan kepada manusia serta menjaga paksi bumi. Dengan itu mereka mengharuskan penyembelihan serta

¹¹⁵ *Ghayah al-Amani fi al-Radd 'ala al-Nabhani*, Jil. 1, hlm. 37.

bernazar kepada para wali dengan mengenakan bayaran tertentu. (al-Halabi berkata): Ini merupakan kata-kata melampaui batas yang membawa kebinasaan serta azab yang kekal abadi. Terkandung di dalamnya unsur-unsur kesyirikan yang bertentangan dengan kebenaran kitab suci, kepercayaan serta apa yang disepakati ummah.

Seterusnya beliau berkata:

Adapun kenyataan mereka bahawa kehidupan para wali ketika di dunia sama sesudah mereka mati maka sebagai jawabannya Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* bersendirian dalam menciptakan (makhluk), mentadbir, bertindak serta menilai sesuatu sedangkan tidak ada sesuatu yang menyerupainya dalam melakukan demikian. Maka segala yang lain di bawah kerajaan serta kemahakuasaan-Nya sama ada dari sudut tingkahlaku, kehidupan, kematian, pemerintahan dan penciptaan.

Seterusnya beliau berkata:

Adapun kenyataan mereka bahawa kehidupan atau tingkahlaku para wali sesudah mati sama mahupun lebih hebat dari kehidupan mereka di atas dunia. Dalam hal ini Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

Sesungguhnya kamu akan mati dan sesungguhnya mereka akan mati (pula). (al-Zumar 39:30) Di dalam hadith riwayat Imam Muslim disebutkan pula: ***Apabila mati anak Adam maka terputus amalannya kecuali tiga...***

Ini merupakan bukti menunjukkan terputusnya perasaan serta pergerakan orang yang sudah mati. Selain itu,

terputusnya segala tugas atau pekerjaan tanpa mengalami sebarang peningkatan mahupun pengurangan. Bagi mayat dia tidak mempunyai sebarang tingkahlaku menerusi hasil tindakannya sendiri seperti pergerakan.

Dengan itu kepercayaan mereka bahawa pergerakan orang yang sudah mati merupakan bahagian daripada karamah suatu kesilapan. Ini kerana karamah merupakan kurniaan Allah ke atas para wali-Nya bukannya tujuan mahupun hasil kekuatan mereka (wali itu sendiri).¹¹⁶

- **al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hasan.**

Dalam bantahannya terhadap sikap melampau Dawud Ibn Jurjis menyentuh persoalan para *awliya'* apabila Ibn Jujis mendakwa seperti berikut:

Arwah orang-orang salih berkeupayaan untuk diseru serta dipanggil. Ini berdasarkan firman Allah seperti berikut:

Sesungguhnya wanita itu telah bermaksud (melakukan perbuatan itu) dengan Yusuf, dan Yusuf pun bermaksud (melakukan pula) dengan wanita itu andaikata dia tidak melihat tanda (dari) Tuhannya. (Yusuf 12:24)

Para ulama' tafsir antaranya al-Baghawi berkata: Nabi Ya'kub telah melihat kejadian ini (dari jauh) sehingga menggenggam dua jarinya sambil berkata: Jaga-jaga engkau

¹¹⁶ Dipetik dari kitab *al-Intisor* karangan Abu Buthayn, hlm. 43, secara ringkas.

wahai Yusuf, maka Yusuf pun tidak melakukannya, sedangkan Yusuf ketika itu berada di Mesir manakala ayahnya Ya'kub di Syam. Ini merupakan jenis daripada karamah juga. Ia adalah sebab atau punca namun kudrat atau kuasanya Allah jua.¹¹⁷

Bagi membantah kenyataan Ibn Jurjis ini, al-Syeikh 'Abd. al-Latif menjawab di dalam kitabnya *Dala'il al-Rasukh*:

Si al-Iraqi ingin menggunakan hujah ini bagi mengharuskan berdo'a kepada orang-orang salih yang sudah mati serta menyeru mereka untuk hajat-hajat tertentu dengan andaian ia sebahagian karamah para wali. Sebagai jawapannya,

Mengabdikan diri kepada Allah yang Maha Esa serta tiada sekutu bagi-Nya dengan memohon do'a serta hajat hanya kepada-Nya sahaja dalam perkara yang tidak mampu dilakukan seorang pun kecuali Allah sahaja merupakan perkara yang berasaskan bukti kitab-kitab yang diturunkan dari langit. Ia juga disepakati menerusi risalah-risalah kenabian dan merupakan pangkal kepada agama yang tidak menerima sebarang *naskh* (pembatalan) mahupun *takhsis* (pengkhususan).

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sahaja berkuasa menjadikan serta memberi rezeki yang mana keduanya merupakan asas serta kekuatan kepada manusia. Maka bagaimanakah boleh disangkal asas ini dengan mengemukakan kekeliruan yang menyesatkan ini?

Ia benar sekiranya karamah itu merupakan sebab. Contoh ini dapat dipergunakan bagi menetapkan karamah.

¹¹⁷ Sila lihat *Dala'il al-Rasukh*, hlm. 48-49.

Maka bagaimana jika kenyataannya menyalahi persepakatan para ilmuwan dimana mereka mengatakan karamah itu secara realitinya perbuatan Allah bukannya berpunca dari tindakan para wali yang tidak berkuasa serta tidak berupaya mempengaruhinya?

Selain itu majoriti para ulama' tafsir mengatakan bahawa keinginan Yusuf itu hanya setakat lintasan hatinya sahaja bukannya keinginan sebenar yang kukuh, mantap serta memerlukan keazaman bagi meninggalkan Zulaikha.¹¹⁸

- **al-Hazami:**

Tidak diertikan karamah wali dengan membina kubur serta menyambungkannya dengan masjid sehingga termasuk urusan kebanyakan masjid ialah penjagaan terhadap kubur tersebut. Ini sama ada menerusi pembakaran wangi-wangian (kemenyan), mengukir dindingnya, menggantungkan papan pelbagai warna serta lampu-lampu hiasan.

Hakikatnya ini bukanlah karamah kerana Allah tidak memuliakan hamba-Nya menerusi perkara yang dilarang-Nya. Selain itu ia merupakan perbuatan haram serta pembaziran harta-benda menerusi cubaan menghampirkan diri kepada Allah namun melibatkan perlakuan dosa.¹¹⁹

- **'Abd. al-Zahir Abu Samh:**

¹¹⁸ *Dala'il al-Rasukh*, hlm. 49, secara ringkasan.

¹¹⁹ *Ayqaz al-Wasnan*, helaian 18.

Di antara kerosakan para penyembah atau pencinta kubur, dimana jika engkau menyebut nama Allah yang Maha Esa kepada mereka dengan berkata: "Serulah kamu sekalian nama-nama Allah yang Maha Esa dan jangan kamu berpaling kepada selain-Nya", maka hati mereka menjadi jijik, sakit serta timbul kemarahan yang meluap-luap.

Bagi mereka ianya sesuatu yang mengurangkan martabat wali-wali walau pun secara realiti mereka berpegang kepada dakwaan yang tidak berasaskan kesahihan. Mereka berkata: "Dia ini jahil terhadap karamah", sedangkan mereka sendiri merendah-rendahkan kedudukan Tuhan mereka dengan melakukan kezaliman besar jika mereka menyedarinya.¹²⁰

Di antara kesesatan para penentang ialah sepertimana sikap melampau 'Alawi al-Haddad terhadap para *awliya'*. Menerusi kitabnya *Misbah al-Anam* beliau berkata:

Berkata al-Sayyid al-Jalil Muhammad bin Zin bin Samith di dalam kitabnya *Ghayah al-Qasd wa al-Murad min Manaqib al-Sayyid al-Habib al-Qutb 'Abd. Allah al-Haddad* (bab keempat dalam menyatakan cerita yang ada hubungan kait dengan karamah). Dalam membawa kata-kata sebahagian orang terhadap kekeramatan al-Qutb 'Abd. Allah al-Haddad, dia berkata:

Aku tidak menziarahi (kubur) Nabi *sallallahu 'alayhi wa sallam* selama dua puluh tahun sedangkan ketika itu aku berada di Mekah. Lalu aku melihat baginda di dalam mimpi baginda berkata kepadaku: "Wahai 'Abd. Allah, mengapa engkau tidak menziarahi kami? Ketahuilah! Sesiapa menziarahi al-Sayyid

¹²⁰ *Al-Risalah al-Makkiyah*, hlm. 25.

'Abd. Allah al-Haddad akan ditunaikan kepadanya 70 hajat, maka tidakkah terbuka hati engkau menziarahi kami?'¹²¹

Dia (al-Haddad) menyebutkan bahawa seorang lelaki penduduk al-Khatwah dari negara Maghribi sampai ke tanah perkuburan Tarim setelah tujuh hari perjalanan bagi menziarahi al-Syed 'Abd. Allah al-Haddad. Ini terjadi apabila gurunya di Maghribi mengarahkannya berbuat demikian setelah beliau menemui gurunya bagi meminta pandangan terhadap rancangannya untuk menunaikan Haji. Berkata gurunya: "Pergilahlah kamu menziarahi al-Qutb 'Abd. Allah al-Haddad di sebelah timur. Ia lebih baik bagi kamu kerana dapat memperoleh sekian sekian hajat." Dia berkata: "Akupun keluar untuk menziarahi al-Syed 'Abd. Allah al-Haddad".¹²²

al-Haddad seterusnya membawa kenyataan al-Sakran Ba'lawi, dimana dia berkata, di tanah perkuburan Tarim terdapat ramai para wali tasawuf dikebumikan dimana kehidupan mereka sesudah mati laksana kehidupan mereka terdahulu. Dalam hal ini, al-Sayyid Yusuf bin 'Abid al-Fasi berkata bahawa selepas zaman datuk-neneknya maka terdapat banyak kepercayaan (terhadap wali serta karamah mereka) terutama di kalangan beberapa kabilah di Maghribi. Ketika beliau (al-Sayyid Yusuf) meninggal dunia dan dikebumikan oleh anak cucunya di tempat yang tidak diketahui orang, maka ramai yang menuntut ingin mengkebumikannya di sisi mereka

¹²¹ **Penterjemah:** Digunakan perkataan "kami" bagi menunjukkan bahawa menziarahi kubur al-Sayyid 'Abd. Allah al-Haddad adalah setaraf dengan menziarahi kubur Nabi.

¹²² *Misbah al-Anam*, hlm. 46.

disebabkan kepercayaan terhadap para wali. Maka ada yang sampai ke peringkat membina kubur serta kubah serta mendakwa bahawa dia (al-Sayyid Yusuf) ada di sisinya setelah jelas nyata baginya. (Ini tidaklah menghairankan) kerana apabila mereka mencarinya di merata tempat sekalipun maka mereka akan mendapati dia di segenap tempat tersebut.¹²³

Ternyata menerusi beberapa kenyataan di atas bahawa para penentang dakwah *al-Salafiyah* bersikap amat melampau terhadap para salihin menerusi kepercayaan *al-Fasad* (penuh kerosakan). Ini terserlah apabila mereka mendakwa menziarahi kubur sebahagian para wali Allah lebih baik daripada menunaikan Haji di di Baitullah. Selain itu apa yang dinyatakan al-Haddad menerusi kisah para wali dimana kononnya (para wali) ada di kalangan mereka walaupun sudah mati dan jasadnya boleh didapati di merata-rata tempat.

Secara realiti ini merupakan kelicikan serta tipudaya syaitan-syaitan terhadap mereka. Tidaklah pelik segala jenis kesamaran syaitan terhadap rupa bentuk para wali – selepas kematian mereka – sehinggakan para penyembah kubur menyangkakan perkara luar biasa yang berlaku, termasuk melihat jasad mereka di beberapa kubur mahupun binaan, merupakan perbuatan wali tersebut. Lalu mereka mempercayainya serta melakukan ibadah kepadanya. Inilah perkara yang dikehendaki syaitan.¹²⁴

Firman Allah *Subhanahu Wa Ta 'ala*:

¹²³ *Misbah al-Anam*, hlm. 51.

¹²⁴ Sila lihat karangan Imam Ibn Taymiyyah yang berlegar dalam permasalahan ini, *al-Fatawa*, Jil. 1, hlm. 168, 360.

Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa mempersekutukan (sesuatu) dengan Dia, dan Dia mengampuni dosa yang selain dari syirik itu bagi siapa yang dikehendaki-Nya.

Barangsiapa yang mempersekutukan (sesuatu) dengan Allah, maka sesungguhnya dia telah tersesat sejauh-jauhnya. Yang mereka sembah selain Allah itu, tidak lain hanyalah berhala, dan (dengan menyembah berhala itu) mereka tidak lain hanyalah menyembah syaitan yang durhaka, yang dilaknati Allah dan syaitan itu mengatakan:

"Saya benar-benar akan mengambil dari hamba-hamba Engkau bahagian yang sudah ditentukan (untuk saya), dan saya benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan akan menyuruh mereka (memotong telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan saya suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar, mereka mengubahnya."

Barangsiapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya dia menderita kerugian yang nyata. (al-Nisa' 4:116-119)¹²⁵

¹²⁵ **Penterjemah:** Sehingga sini tamatlah terjemahan dari Bahagian Ketiga kitab asal dari mukasurat 138 hingga 156.

Bahagian Keempat

Persoalan kafir-mengkafir (*al-Takfir*) serta peperangan (*al-Qital*), beserta jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.

Secara realiti, kekeliruan besar yang memberi kesan terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab *rahimahullah* ialah persoalan kafir-mengkafir (*al-Takfir*) serta peperangan (*al-Qital*). Amat sesuai bagi kami menyatakannya secara terperinci berasaskan hasil karya para penentang dakwah *al-Salafiyyah*, diikuti jawapan dan bantahan para ilmuwan Islam terhadapnya.

Antara perkara yang perlu diberikan perhatian sehingga bab ini dianggap amat penting berbanding bab-bab lain adalah seperti berikut:

Pertama:

Isu kafir-mengkafir (*al-Takfir*) serta peperangan (*al-Qital*) antara persoalan penting yang menyangkut i'tikad. Dengan itu ia memerlukan penghuraian yang jelas serta penuh kebenaran bagi mengelakkan salah faham terhadapnya. Di antara yang menunjukkan sikap melampau (*ghulluw*) terhadap isu ini ialah golongan *Khawarij*, sebaliknya golongan *Murji'ah* pula memandang remeh terhadapnya. Secara hakiki, perkara ini membawa kesan serius kepada kehidupan duniawi mahupun ukhrawi. Ia melibatkan isu seperti pembunuhan, peperangan, perampasan harta-benda dan sebagainya sebagaimana

termaktub di dalam kitab-kitab fekah apabila membahaskan hukuman terhadap golongan yang murtad.

Kedua:

al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab *rahimahullah* serta para pengikut dan pendokong gerakan dakwahnya memberikan perhatian serius terhadap isu ini. Ini dilakukan menerusi penerangan jelas, tepat serta saling lengkap-melengkapi. Dr. Salih 'Abbud mengulas:

al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab amat berwaspada serta berhati-hati dalam menangani perkara yang membatalkan iman. Beliau sama sekali tidak melangkaui sempadan yang sepatutnya serta amat berharap agar kaum muslimin sekalian menjauhkan diri dari melakukannya.

Isu ini hampir meneggelamkan keseluruhan isu-isu lain di zaman perkembangan dakwah al-Syeikh al-Imam. Ini berkait dengan permasalahan yang berlaku di peringkat dunia Islam ketika itu serta peranan yang dimainkan oleh kuncu-kuncu syaitan menerusi kelicikan serta tipu daya mereka berselindung serta bertumpu dengan penuh perhatian di sebalik isu tersebut.¹²⁶

¹²⁶ Sila rujuk *'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab al-Salafiyah*, Jil. 2, hlm. 526.

Ketiga:

Amat penting isu ini diulas dengan saksama apabila melihat banyaknya tuduhan para penentang dengan kekeliruan kafir-mengkafir serta peperangan sehingga memberi kesan terhadap pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam. Ini terbukti dimana sebahagian para ulama' yang diketahui benarnya pegangan mereka turut terpengaruh dengannya pada peringkat permulaan (sebelum menarik balik pandangan serta menyokong pula pergerakan al-Syeikh al-Imam apabila mengetahui keadaan sebenar). al-Imam Muhammad bin 'Ali al-Syawkani dalam ulasannya terhadap al-Syeikh al-Imam dan para pengikutnya pernah berkata:

Namun mereka beranggapan sesiapa yang tidak menyertai pemerintahan penguasa Najd serta tunduk kepadanya, maka dia terkeluar dari agama Islam.¹²⁷

¹²⁷ *Al-Badr al-Tali' biMuhasin min Ba'd al-Qarn al-Sabiq*, Jil. 2, hlm. 5. 'Abd. 'Alim al-Bastawi ketika mengulas kitab *Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum*, hlm. 177 turut mengulas ungkapan Imam al-Syawkani sebagaimana yang disebutkan di atas. Ia seperti berikut: "Secara realiti, Imam al-Syawkani mengarang kitab *al-Badr al-Tali' biMuhasin min Ba'd al-Qarn al-Sabiq* dalam keadaan tergesa-gesa ketika berlakunya peperangan di antara al-Amir 'Abd. al-'Aziz bin Sa'ud dengan seorang pembesar yang merupakan penakluk wilayahnya".

Sebagai tindakan yang adil terhadap Imam al-Syawkani, kami menyatakan bahawa beliau turut mensifatkan pergerakan dakwah *al-Salafiyah* dengan kebenaran. Ini terbukti menerusi kata-katanya: "Kami berpuashati terhadap kebenaran (pergerakan)nya". Selain itu, beliau turut memuji risalah yang ditulis al-Imam 'Abd. al-'Aziz bin Sa'ud dengan mensifatkan isi kandungannya bertepatan dengan al-Qur'an serta al-Sunnah. Kami juga tidak

al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Hazami turut terpengaruh dengan tuduhan ini. Dalam hal ini, al-Syeikh al-Imam ketika memuji kesejahteraan pegangan beliau, berkata:

Namun daku menolak dua kriteria pada diri beliau. Pertama: (menuduhku) mengkafirkan orang dengan berasaskan kepada sangkaan tanpa mengemukakan bukti. Kedua: (menuduhku) menumpahkan darah terhadap golongan yang terpelihara tanpa bukti-bukti.¹²⁸

al-Syeikh Muhammad Sadiq Khan turut membenarkan kekeliruan ini. Beliau menyatakan di dalam kitabnya *Tarjuman al-Wahabiyyah*, tentang berlepas diri para *Ahl al-hadith* terhadap golongan Wahabi. Ini kerana golongan ini diketahui menumpahkan darah (suka berperang). Namun al-Syeikh Muhammad Sadiq Khan dalam menyatakan hal ini, semoga Allah mengampuninya, mengambil sumber dari kitab-kitab karangan ulama' Kristian.¹²⁹

lupa menyatakan qasidahnya memuji al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab *rahimahullah*.

¹²⁸ Sila lihat *Abjad al'Ulum*, Jil. 3, hlm. 194. Dalam hal ini, Sadiq Hasan Khan menulis dalam kitabnya *al-Hittah fi Zakara al-Sihhah al-Sittah*, hlm. 151 kenyataan dari al-Hazami berdasarkan kitabnya *Fath al-Manan*. Di dalamnya al-Hazami menyatakan pujian besar terhadap al-Syeikh al-Imam, tanpa menyatakan sesuatu keaibanpun. Ternyata al-Hazami telah mengubah pandangannya terhadap beliau apabila ternyata bukti yang sebenar kepadanya. Dimana setelah beliau melemparkan tuduhan bahawa al-Syeikh al-Imam melakukan *al-takfir* serta *al-Qital*, kami dapati beliau dengan penuh kesungguhan mempertahankan al-Syeikh al-Imam menerusi kitabnya *Ayqaz al-Wasnan* (dalam bentuk manuskrip).

¹²⁹ Sila lihat *Di'ayat Mukhathafah Didd al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab* karangan al-Nu'mani, hlm. 103-104. Kenyataan bahawa Muhammad

Seterusnya al-Syeikh Anwar Syah Kashmiri turut membenarkan dakwaan ini. Beliau mendakwa, semoga Allah mengampuninya, bahawa al-Syeikh al-Imam bersegera sikapnya dalam menjatuhkan hukum kufur.¹³⁰

Keempat:

Majoriti para penentang yang mengenali al-Syeikh al-Imam *rahimahullah* secara realiti bersetuju dengan apa yang dibawanya. Ia merujuk kepada persoalan serta penetapan tawhid dan larangan terhadap perbuatan syirik. Namun mereka berselisih dengannya dalam permasalahan kafir-mengkafir serta peperangan. Ini diperkuatkan dengan kenyataan al-Syeikh al-Imam tentang pandangan para penentang terhadap dirinya:

Sejak lebih dua puluh tahun, siang dan malam, secara sembunyi mahupun terang-terangan, mereka berkata bahawa

Sadiq Khan menyetujui gerakan dakwah al-Syeikh al-Imam diperolehi apabila merujuk apa yang ditulis ‘Abd. al-‘Alim al-Bastawi ketika mengulas kitab karangan Mas’ud al-Nadwi bertajuk *Muhammad bin ‘Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum*, hlm. 175-177. Selain itu Muhammad Sadiq Khan mempunyai kedudukan tinggi di sisi para pemimpin dakwah *al-Salafiyah*. Ini terbukti apabila Ibn Sahman menulis qasidah pujian terhadapnya serta kitab karangannya bertajuk *al-Din al-Khalis*. Pujian tinggi terhadapnya juga dilakukan Hamid bin ‘Atiq melalui sebuah risalah yang dihantar kepada Muhammad Sadiq Khan bagi memuji tafsirnya bertajuk *Fath al-Bayan*.

¹³⁰ Sila lihat *al-Syubhat allati Athirat Hawla Dakwah al-Syeikh al-Imam* karangan Muhammad Yusuf yang disertakan dengan tujuh perbahasan al-Syeikh al-Imam, Jil. 2, hlm. 259. Seterusnya kitab *Muhammad bin ‘Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum*, hlm. 182 serta *Di’ayat Mukhathafah Didd al-Syeikh Muhammad bin ‘Abd. al-Wahhab*, hlm. 135-136.

persoalan tawhid yang di bawa oleh lelaki ini (merujuk al-Syeikh al-Imam) merupakan agama Allah serta Rasul-Nya. Selain itu, apa yang diingkarinya merupakan perkara syirik. Maka benar tindakannya itu. Namun jika dia mengelakkan dirinya dari persoalan kafir-mengkafir serta peperangan maka dia berada di atas landasan kebenaran.

Dalam situasi lain al-Syeikh al-Imam berkata:

Tatkala tersebar empat persoalan ini¹³¹, membenarkan daku di pelbagai lapangan dan tempat golongan yang mengaku dirinya ulama' berkait persoalan tawhid serta syirik. Namun mereka mengadakan pelbagai tuduhan dalam persoalan menyatakan kekufuran serta peperangan.¹³²

Ketika menyatakan kekeliruan ini serta jawapan terhadapnya kepada rakan-rakan beliau, al-Syeikh al-Imam berkata:

Mereka memperdebatkan isu ini menerusi suatu kekeliruan. Mereka mengatakan bahawa setiap yang dinyatakan (oleh al-Syeikh al-Imam) merupakan kebenaran serta agama Allah serta Rasul-Nya kecuali permasalahan kafir-mengkafir serta peperangan. Suatu yang ajaib apabila mereka menyembunyikan kebenaran. Sekiranya ia benar, mengapa tidak dinyatakan kekufuran terhadap sesiapa yang mengingkari

¹³¹ 1. Penjelasan Tawhid. 2. Penjelasan tentang syirik. 3. Mengkafirkan sesiapa yang berpandangan bahawa Tawhid merupakan agama Allah serta Rasul-Nya namun dia benci terhadapnya serta menghalangi manusia daripadanya. 4. Memerintahkan supaya memerangi golongan yang membenci Tawhid.

¹³² Sila lihat penjelasan empat perkara ini di dalam *Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 24-25.

tawhid? Atau mengarahkan supaya dibunuh ke atas sesiapa yang mengesyorkan supaya mengingkari tawhid? Atau memenjarakannya? ...hingga akhir jawapan al-Syeikh al-Imam.¹³³

Antara tujuh permasalahan besar menyangkut bab ini seperti berikut:

Perbahasan Pertama: Pembohongan serta tuduhan palsu para penentang terhadap al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab di dalam persoalan kafir-mengkafir beserta jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.

Perbahasan Kedua: Tuduhan palsu terhadap golongan Wahabi dengan melabelkan mereka sebagai *Khawarij*. Seterusnya persoalan penduduk *Najd Yamamah* yang diumpamakan sebagai tanduk syaitan. Perbahasan diikuti dengan jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.

Perbahasan ketiga: Kekeliruan kononnya golongan Wahabi mengkafirkan orang yang tidak kafir diikuti dengan jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.

Perbahasan keempat: Kekeliruan kononnya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab berselisih pendapat dengan Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim dalam persoalan kafir-mengkafir beserta jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.

Perbahasan kelima: Kekeliruan kononnya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab mengatakan bahawa perbuatan syirik tidak akan terjadi ke atas umat Islam.

¹³³ Sila lihat *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 272.

Perbahasan keenam: Kekeliruan tentang penurunan ayat-ayat al-Qur'an ke atas golongan *Musyrikin* yang dikaitkan dengan umat Islam.

Perbahasan ketujuh: Kekeliruan kononnya al-Syeikh Imam Muhammad bin. Abd. Wahhab menentang *Daulah al-Khilafah*.

Perbahasan Pertama:

Pembohongan serta tuduhan palsu para penentang terhadap al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab di dalam persoalan kafir-mengkafir beserta jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.

Secara realiti, keseluruhan hasil penulisan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab, para pemimpin, ulama' serta pendokong dakwah *al-Salafiyyah* telahpun menghuraikan isu kafir-mengkafir serta peperangan. Ini dilakukan menerusi penjelasan secara terperinci (*al-tafsil*). Namun kami dapati, para penentang berterusan melemparkan segala jenis pembohongan terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab tanpa mengemukakan sebarang bukti yang sah.

Semenjak awal perkembangannya, para ulama' dakwah *al-Salafiyyah* memperjelaskan akidah tawhid menerusi kekuatan hujah serta dalil sebagaimana termaktub di dalam hasil penulisan mereka. Dari sudut keutamaan, persoalan tawhid serta permasalahannya didahulukan. Ini kerana sudah termaklum, tawhid merupakan perkara pertama yang diwajibkan ke atas setiap yang akil baligh. Dalam hal ini, al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hasan menerusi *Minhaj al-Ta'sisnya* mengulas:

Ketahuilah, amat penting permasalahan iman dipelajari dengan sebaik-baiknya. Ramai yang binasa dengan sebab kekurangan ilmu serta kefahaman terhadap garis sempadannya. Sebagai contoh, Islam dan syirik merupakan dua perkara bertentangan yang sama sekali tidak boleh

dikumpulkan. Adapun kejahilan terhadap keduanya mahupun salah satu daripadanya di kalangan ummah, mengakibatkan ramai yang tergelincir melakukan pelbagai perbuatan syirik seperti beribadat kepada orang-orang salih. Ini kerana tiadanya kefahaman serta gambaran yang tepat terhadap natijah perbuatan tersebut.¹³⁴

Hakikatnya, tidak sedikit kesungguhan serta jihad para ulama' *al-Salafiyyah* dalam menetapkan akidah tawhid. Dengan penuh kesungguhan mereka memperingatkan umat Islam supaya menjaga diri dari terjerumus ke dalam pelbagai jenis syirik serta kufur yang menghancurkan sendi-sendi agama Islam, semoga Allah merahmati mereka.

Seterusnya, dengan melihat kesan sejagat perbuatan ini terhadap pelakunya serta hubungkaitnya dengan isu kafir-mengkafir serta peperangan, maka penjelasan lengkap perlu dilakukan kerana sebahagian masyarakat masih jahil terhadapnya. Ia dimulakan dengan menyatakan pembohongan serta tuduhan palsu para penentang terhadap al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab di dalam persoalan kafir-mengkafir serta peperangan berdasarkan hasil karya para penentang diikuti jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.

- **Ibn `Afaliq.**

Dia merupakan kalangan pendusta awal yang

¹³⁴ *Minhaj al-Ta'sis wa al-Taqdis fi Kasyf Syubhat Dawud bin Jurjis*, hlm 5-6.

menyatakan pembohongan ini. Beliau melemparkan tuduhan bahawa *al-mujaddid* al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab mengkafirkan kaum muslimin. Ketika menyanggah Ibn Mu'ammara beliau berkata:

Lelaki ini (merujuk al-Syeikh al-Imam) mengkafirkan ummah, bahkan demi Allah! Dia mendustakan Rasul serta menghukum kaum muslimin dengan perbuatan syirik.¹³⁵

Ibn 'Afaliq menambah:

Kamu sekalian mengkafirkan, mengutuk serta mencela keturunan Nabi. Ini berpunca dari ajaran utama agama kamu.¹³⁶

Ibn 'Afaliq berterusan dalam pembohongannya serta memandang jijik Ibn Mu'ammara kerana beliau memberikan bantuan kepada pergerakan dakwah *al-Salafiyah*. Ketika mensifatkan al-Syeikh al-Imam dengan pembohongan, beliau berkata: Beliau bersumpah bahawa golongan Yahudi serta kaum musyrikin lebih baik keadaannya dari umat ini.¹³⁷

Di dalam risalah *Tahkum al-Muqallidin fi Mud'ie Tajdid al-Dinnya*, beliau mensifatkan al-Syeikh al-Imam sebagai individu yang mencela serta menyesatkan umat Islam hinggakan terhadap para sahabat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Pembohongannya seperti berikut:

Merujuk asas-asas terbinanya mazhab engkau, aku dapati ia terdiri dari perkara yang memalukan. Mencaci-cela

¹³⁵ Jawapan Ibn 'Afaliq terhadap risalah Ibn Mu'ammara, helaian 58.

¹³⁶ Jawapan Ibn 'Afaliq terhadap risalah Ibn Mu'ammara, helaian 63.

¹³⁷ Jawapan Ibn 'Afaliq terhadap risalah Ibn Mu'ammara, helaian 65-66.

ummah, tokoh-tokohnya dan mengoyakkan asas-asas agama *Muhammadiyah* serta mengutuk keseluruhan umat *Muhammadiyah*. Ini dipertingkatkan dengan penetapan wujudnya penyelewengan para sahabat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam* serta pemimpin empat mazhab.¹³⁸

- **al-Qabbani.**

Dalam pembohongannya bahawa al-Syeikh al-Imam mengkafirkan serta melancarkan peperangan terhadap umat Islam, dia berkata:

Beliau mengkafirkan umat Islam keseluruhannya. Beliau turut mengkafirkan sesiapa yang tidak menyatakan kesesatan serta mengkufurkan umat Islam.¹³⁹

Dalam serangannya terhadap al-Syeikh al-Imam serta para pengikutnya, beliau mengulas kedudukan mereka sewaktu hari pembalasan nanti:

Akan muncul setiap Nabi dan Rasul beserta umatnya. Muncul juga Nabi yang mulia namun hanya kumpulan kecil penduduk 'Uyaynah bersama-sama baginda.¹⁴⁰ Adapun bakinya merupakan penduduk neraka bersama orang-orang kafir. Ini kerana sedikitnya mereka melakukan ketaatan serta

¹³⁸ *Tahqum al-Muqallidin fi Mud'ie Tajdid al-Din*, helaian 1.

¹³⁹ *Fasl al-Khitab fi Radd Dolalat bin 'Abd. al-Wahhab*, helaian 36.

¹⁴⁰ Al-Qabbani mengarang kitab bagi menolak al-Syeikh al-Imam pada tahun 1157H ketika al-Syeikh al-Imam berada di 'Uyaynah. Ini sebagaimana yang kami perjelaskan terdahulu.

peribadatan.¹⁴¹

- **Ibn Sahim.**

Dia merupakan seorang penentang yang keras kepala. Di dalam risalah yang diutusnya kepada para ulama' di setiap lapangan dan tempat bagi mendorong mereka menentang al-Syeikh al-Imam, dia menyebut:

Sesiapa yang pandangannya tidak menyamai pandangan (al-Syeikh al-Imam) ataupun tidak menetapkan pandangan (al-Syeikh al-Imam) sebagai suatu kebenaran dia akan mengkafirkan individu tersebut. Sekiranya dia membenarkan setiap apa yang diperkatakannya maka (al-Syeikh al-Imam) akan berkata: "Engkau seorang *Muwahhid!*", walaupun dia seorang fasik yang sejati atau seumpama dengannya.¹⁴²

- **Muhammad bin Muhammad al-Qadiri.**

Ddalam kenyataan bohongnya terhadap al-Imam 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Sa'ud ketika sampai kepadanya risalah Ibn Sa'ud, dia berkata:

Sekiranya engkau merenung menerusi mati hati engkau serta mengambil pelajaran daripadanya, mengapa engkau menghukum umat *Muhammadiyah* dengan *syirik al-akbar* tanpa sebarang bukti. Secara realiti, ini merupakan kesengsaraan

¹⁴¹ *Fasl al-Khitab*, helaian 104.

¹⁴² *Fasl al-Khitab*, helaian 168.

dan kerugian sahaja.¹⁴³

Setelah menerima serta mengkaji risalah yang dihantar al-Imam 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Sa'ud kepadanya, beliau mensifatkan Ibn Sa'ud dengan pembohongan seperti berikut:

Beliau menghukum orang awam serta para 'ulama' yang beramal dengan ilmunya di kalangan umat *Sayyid al-Anbiya' wa al-Mursalin* dengan perbuatan *syirik al-akbar*.¹⁴⁴

- **al-Haddad.**

Dia mencipta perbagai pembohongan dalam tuduhannya bahawa al-Syeikh al-Imam mengkafirkan serta memerangi umat Islam. Ia seperti berikut:

Sekiranya seseorang itu cenderung memasuki agamanya, dia akan berkata kepadanya: "Saksikanlah terhadap dirimu, engkau dahulunya kafir. Ibu-bapamu mati dalam keadaan kafir. Begitu juga yang lainnya, mereka semuanya kafir belaka." Maka sesiapa yang bersaksikan hal demikian, tidaklah ia dibunuhnya.¹⁴⁵

al-Haddad menambah pembohongan seterusnya:

Wahai al-Najdi, mengapa engkau benci dengan kehidupan sehingga engkau menjadikan setiap penghuninya golongan musyrikin. Wahai al-Najdi, engkau lemparkan tuduhan

¹⁴³ *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, helaian 4.

¹⁴⁴ *Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*, helaian 3.

¹⁴⁵ *Misbah al-Anam*, hlm. 5.

sesat terhadap kaum muslimin hinggakan ke atas para ulama' dan golongan salih di kalangan mereka.¹⁴⁶

Ketika menghalalkan perbuatan *al-Istigosah* terhadap orang yang sudah mati, dia berkata:

Sudah semestinya di setiap waktu dan ketika wujudnya peristiwa yang mencemarkan agama. Ini terbukti menerusi kenyataan al-Najdi bahawa *al-Istigosah*¹⁴⁷ merupakan perkara syirik.¹⁴⁸

- **al-Syathi.**

Menerusi sisipannya terhadap kitabnya *Risalah fi Masyajirah Bayna Ahl Makkah wa Ahl Najd*, dia berkata terhadap golongan Wahabi: Mengkafirkan kaum muslimin dan menghalalkan darah serta harta benda mereka.

- **'Abd. al-Rauf al-Rafidhi.**

Dia berdusta terhadap al-Syeikh al-Imam dengan mensifatkannya suka menumpahkan darah kaum muslimin. Dia seperti berikut:

Bagaimana keadaan si-lelaki yang membunuh kebanyakan kaum muslimin yang mengucapkan *Lailahailallah Muhammad Rasulullah*, yang beramal salih, berpuasa serta mengerjakan haji di *Baitullah al-haram*? Bahkan dia

¹⁴⁶ *Misbah al-Anam*, hlm. 22.

¹⁴⁷ Merujuk kepada *al-Istigosah* terhadap orang yang sudah mati.

¹⁴⁸ *Misbah al-Anam*, hlm. 60.

berterusan dengan membunuh anak-anak mereka walaupun mereka tidak melakukan sebarang kezaliman. Kononnya dia mendakwa sebagai *Ahl al-Tawhid* sedangkan kaum muslimin keseluruhannya murtad belaka.¹⁴⁹

- **al-Lakanhuri:**

Ketahuilah, secara realiti pegangannya (al-Syeikh al-Imam) dimana beliau menganggap keseluruhan kaum muslimin selain yang mengikuti mazhabnya sebagai kafir musyrik. Lalu dia menghalalkan harta benda, darah serta menjadikan mereka hamba-abdi.¹⁵⁰

- **'Uthman bin Mansur:**

Allah mendatangkan ujian terhadap penduduk Najd bahkan Jazirah Arab dengan seseorang yang muncul di kalangan mereka. Bersungguhnya dia mengkafirkan ummah secara khusus mahupun umum serta memerangi mereka melainkan sesiapa yang mematuhiinya.¹⁵¹

Beliau menambah:

Lelaki ini menjadikan ketaatan terhadapnya sebagai rukun keenam dari rukun Islam yang lima.¹⁵²

¹⁴⁹ *Fasl al-Khitab*, helaian 33.

¹⁵⁰ *Kasyf al-Niqab 'an 'Aqaid Ibn 'Abd. al-Wahhab*, hlm. 52.

¹⁵¹ Dipetik dari kitab *Misbah al-Zullam* karangan al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hasan, hlm. 16.

¹⁵² *Misbah al-Zullam*, hlm. 101.

- **Syeikh *al-Kadzb* (pendusta) Ahmad Zaini Dahlan:**

Mereka tidak memperakui seseorang sebagai seorang *Muwahhid* melainkan dengan mengikuti apa yang mereka kata. Mereka mendakwa amat sedikit golongan yang termasuk ke dalam kategori *al-Muwahhidun*. Dalam hal ini, Sulayman, saudara kepada al-Syeikh al-Imam berkata kepadanya: "Berapakah rukun Islam wahai Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab?" Dia menjawab: "Lima." Berkata Sulayman: "Engkau menjadikannya enam. Iaitu sesiapa yang tidak mengikuti engkau dia bukan seorang muslim."¹⁵³

Dahlan menambah:

Mereka mengkafirkan umat Islam sejak kurun sekian sekian. Yang pertama menyatakannya ialah Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, lalu mereka mengikutinya. Jika seseorang memasuki agamanya dimana dia pernah mengerjakan haji sebelumnya mereka akan berkata: "Kerjakan haji semula kerana haji pertamamu tidak sah, kerana engkau ketika itu seorang musyrik."¹⁵⁴

Dahlan meneruskan pembohongannya:

Dia (al-Syeikh al-Imam) berkata kepada mereka: "Aku menyeru kamu kepada agama. Selain itu apa yang berada di bawah tujuh petala langit, keseluruhannya musyrik tanpa sebarang keraguan. Sesiapa yang membunuh seorang musyrik maka baginya syurga." Maka mereka mengikutinya.¹⁵⁵

¹⁵³ *Al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala Al-Wahabiyyah*, hlm. 42-43.

¹⁵⁴ *Al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala Al-Wahabiyyah*, hlm. 50.

¹⁵⁵ *Al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala Al-Wahabiyyah*, hlm. 46.

- **al-Zahawi.**

Sebagaimana golongan sebelumnya turut menyebarkan pembohongan ini. Beliau berkata:

Ibn Sa'ud mengarang risalah bertajuk *Kasyf al-Syubhat 'an Khaliq al-Ardh wa al-Samawat*¹⁵⁶ dengan mengkafirkan sekalian kamu muslimin serta menuduh golongan yang hidup di sekian sekian zaman itu dengan kekafiran.¹⁵⁷

al-Zahawi meneruskan pembohongannya apabila berkata:

Golongan wahabi berpegang kepada perkara batil seperti berikut: Mereka mengkafirkan setiap kaum muslimin yang menyalahi pandangan mereka.¹⁵⁸

Beliau menambah pembohongannya:

Sekiranya ditanya apakah pegangan golongan wahabi maka jawapannya secara ringkas ialah mengkafirkan sekalian kaum muslimin.¹⁵⁹

- **Seorang pendusta di kalangan al-Rafidhah** dengan penuh penipuan berkata:

¹⁵⁶ Terserlah pembohongan al-Zahawi dengan menyatakan bahawa risalah yang dikarang oleh Ibn Sa'ud bertajuk *Kasyf al-Syubhat 'an Khaliq al-Ardh wa al-Samawat* . Sudah termaklum bahawa risalah al-Syeikh secara realiti bertajuk *Kasyf al-Syubhat* tanpa sebarang penambahan

¹⁵⁷ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 19.

¹⁵⁸ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 27.

¹⁵⁹ *al-Fajr al-Sodiq*, hlm. 64.

Allah menghendaki kaum muslimin supaya berpegang teguh dengan semangat persaudaraan sesama mereka, manakala terhadap musuh supaya menyatakan penentangan. Namun Ibn 'Abd. al-Wahhab meruntuhkan asas ini serta menentang kenyataan al-Qur'an. Mereka mengkafirkan seterusnya menghancurkan perpaduan kaum muslimin.¹⁶⁰

- **Ahmad Ridha.**

Seorang yang suka melakukan perkara *bid'ah*, mensifatkan al-Syeikh al-Imam dengan pembohongan berikut:

Dia mengkafirkan datuk-nenek serta pemimpin terdahulu. Namun tidak cukup dengan hal demikian, dia mengkafirkan keseluruhan kaum muslimin. Secara realiti Ibn 'Abd. al-Wahhab mengisytiharkan ketika permulaan agama barunya, bahawa umat Islam sejak kurun sekian sekian tergelincir ke dalam perbuatan syirik. Kenyataan beliau diikuti para pemimpin gerakan selepasnya.¹⁶¹

- **Muhammad bin Najib Sawqih:**

Secara realiti mazhab wahabi mengkafirkan orang yang sudah mati. Selain itu mereka melemparkan tuduhan syirik terhadap kaum muslimin. Sekiranya diminta supaya dinyatakan bukti-bukti, maka ia terbukti berdasarkan hasil

¹⁶⁰ Muhammad Husin, *Naqd Fatawa al-Wahabiyyah*, hlm. 24.

¹⁶¹ *A'azzu al-Nukat biJawab Sual Arkat* (dalam bahasa Urdu).

penulisan mereka.¹⁶²

Merujuk para penentang semasa, kami nyatakan tiga tokoh mereka yang suka mengemukakan pembohongan berkaitan isu kafir-mengkafir serta menghalalkan darah kaum muslimin terhadap al-Syeikh al-Imam *rahimahullah*, para pengikut serta pendokongnya. Ia seperti berikut.

- **Muhammad Jawwad Mughniyyah.**

Dia seorang *Syi'ah* dengan berpandukan kenyataan penentang sebelumnya, berkata:

Tidak syak lagi bahawa golongan wahabi berkecenderungan untuk mengkafirkan sekalian kaum muslimin tanpa sebarang pengecualian.¹⁶³

- **Husin bin Helmi Isyiq.**

Ketika mengulas kitab *al-Iman wa al-Islam* karangan Khalid al-Baghdadi, dia mendustakan golongan Wahabi menerusi kata-katanya:

Golongan wahabi berpendapat bahawa golongan selain mereka bukan kaum muslimin. Selain itu harta-benda mereka dihalalkan untuk golongan wahabi.¹⁶⁴

¹⁶² *Tabyin al-Haq wa al-Sawwab*, hlm. 8. Secara ringkas.

¹⁶³ *Hadzihi Hiya al-Wahabiyyah*, hlm 111.

¹⁶⁴ hlm 31.

- **Malik bin Dawud.**

Dia mendakwa dirinya ahli tasawuf. Menerusi kitabnya *al-Haqaiq al-Islamiyyah* dinyatakan pembohongan seperti berikut:

Sebahagian para ulama' menggelarkan pergerakan golongan wahabi sebagai gerakan penumpah darah (*al-Damawiyah*).¹⁶⁵

¹⁶⁵ hlm. 16.

Jawapan Kepada Tuduhan

Setelah menyatakan sebahagian kekarutan serta sampah sarap para penentang dalam usaha mereka memfitnah dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab *rahimahullah* dengan tuduhan mengkafirkan serta membenarkan pertumpahan darah di kalangan kaum Muslimin, kami sertakan pula jawapan-jawapan kukuh para ulama' *al-Salafiyyah* yang tersebar di segenap lapangan dan tempat terhadap segala kepalsuan ini. Ini bagi menunjukkan betapa karut serta jijiknya tuduhan yang dikenakan terhadap mereka yang boleh diumpamakan seolah-oleh buih yang tidak memberikan apa-apa faedah serta manfaat kepada manusia.

Pertama: al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Dalam menafikan segala tuduhan ini, beliau berkata dalam risalahnya kepada penduduk Riyadh seperti berikut:

Adapun kata-kata mereka bahawa kami mengkafirkan kaum muslimin, bagaimana mereka melakukan demikian? Bagaimana mereka melakukan demikian? Secara realiti, kami tidak sekali-kali mengkafirkan kaum muslimin, bahkan kami hanya mengkafirkan kaum musyrikin sahaja.¹⁶⁶

Dalam perutusannya kepada salah seorang pemimpin Sarmada', al-Syeikh al-Imam berkata:

Adapun apa yang dikatakan para penentang terhadapku

¹⁶⁶ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 189.

bahawa daku mengkafirkan kaum muslimin berasaskan sangkaan (*al-Zhan*), ataupun mengkafirkan si-jahil di atas sifat kejahilannya, maka *Hadza Buhtanun 'Adhim* (ini merupakan suatu pembohongan besar) terhadapku. Mereka lakukan ini supaya manusia menjauhi agama Allah serta Rasul-Nya.¹⁶⁷

Dalam perutusannya kepada penduduk al-Qasim, al-Syeikh al-Imam dalam menjawab kembali tuduhan Ibn Sahim terhadapnya bahawa beliau mengkafirkan serta membunuh kaum muslimin. Beliau berkata:

Allah Maha Mengetahui bahawa dia (Ibn Sahim) membuat tuduhan ke atasku dalam perkara yang daku tidak lakukan serta tidak terlintas di dalam hatiku melakukannya. Ini menerusi kata-katanya: "Daku mengatakan bahawa manusia pada sekian sekian zaman itu tidak mengetahui suatu apapun, daku mengkafirkan sesiapa yang bertawassul dengan orang yang salih, daku mengkafirkan al-Busayri, daku mengkafirkan sesiapa yang bersumpah selain nama Allah ..." maka sebagai jawapan terhadap pertuduhan ini daku mengatakan *Hadza Buhtanun 'Adhim* (ini suatu pembohongan besar).¹⁶⁸

Al-Syeikh al-Imam seterusnya menetapkan kebatilan tuduhan ini menerusi risalahnya kepada Muhammad al-Tuwayjiri:

Demikian lagi, dalam penyamaran serta sikap berselindung mereka terhadap orang awam, mereka mengatakan Ibn 'Abd. al-Wahhab berkata: "Sesiapa yang

¹⁶⁷ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 25.

¹⁶⁸ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 11-12. Selain itu sila lihat risalah perutusan al-Syeikh al-Imam kepada Ibn Sahim, Jil. 5, hlm. 62.

tidak mentaatiku maka dia kafir.”

Maka jawapan kami: *Subhanaka Hadza Buhtanun 'Adhim* (Maha Suci Engkau Ya Allah!, ini merupakan suatu pembohongan besar). Kami bersaksikan Allah, yang Maha Mengetahui segala isi hati kami, bahawa sesiapa yang mentawhidkan Allah serta berlepas diri dari perbuatan syirik dengan segala jenisnya, dia adalah seorang muslim tanpa mengira dia berada di zaman atau tempat mana pun jua. Kami hanya menyatakan kekufuran terhadap sesiapa yang menyekutukan Allah pada ketuhanan-Nya. Itupun setelah datang kepada mereka segala hujah di atas kebatilan perbuatan syirik tersebut.¹⁶⁹

Dalam situasi lain, al-Syeikh al-Imam menetapkan kebatilan setiap dakwaan tersebut yang penuh dengan pembohongan menerusi jawapannya terhadap soalan yang dikemukakan seseorang¹⁷⁰ kepadanya:

Di antara pembohongan mereka seperti berikut: Daku mengkafirkan orang secara umum, kewajipan berhijrah kepada kami bagi sesiapa yang ingin menzahirkan amalan agamanya, daku mengkafirkan sesiapa yang pada hakikatnya tidak kafir serta menghalalkan pembunuhan terhadap sesiapa yang tidak harus dibunuh. Maka segala kenyataan ini merupakan pembohongan yang berperanan menjauhkan manusia dari agama Allah serta Rasul-Nya.¹⁷¹

¹⁶⁹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 60.

¹⁷⁰ Tidak dinyatakan siapakah individu ini.

¹⁷¹ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 3, hlm. 11.

al-Syeikh al-Imam dalam perutusannya kepada salah seorang ulama' Madinah kerana membantah tuduhan mengkafirkan manusia secara umum, berkata:

Kenyataan bahawa mereka (golongan *al-Salafiyyah*) mengkafirkan umat Islam secara umum, maka kami berkata: *Subhanaka Hadza Buhtanun 'Adhim* (Maha Suci Engkau Ya Allah!, ini merupakan suatu pembohongan besar). Kami sekali-kali tidak mengkafirkan sesiapa yang naik saksi bahawa Tawhid itu merupakan *Din* Allah serta Rasul-Nya dan seruan kepada selain agama Allah adalah batil.¹⁷²

Al-Syeikh al-Imam dalam perutusannya kepada Isma'il al-Jara'i, salah seorang pemimpin Yaman, berkata:

Adapun kenyataan bahawa kami mengkafirkan secara umum, maka ini adalah pembohongan para musuh yang bertujuan menghalangi manusia dari agama Allah. Sebagai jawapannya kami mengatakan: *Subhanaka Hadza Buhtanun 'Adhim* (Maha Suci Engkau Ya Allah!, ini merupakan suatu pembohongan besar).¹⁷³

Dalam jawapannya terhadap perutusan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. Allah al-Suwaydi, salah seorang tokoh ulama' Iraq, yang bertanya kepadanya tentang pertuduhan mengkafirkan kaum muslimin, al-Syeikh al-Imam berkata:

Mereka ingin menjadikan kami kuda tunggangan syaitan, menerusi penyebaran pembohongan sehingga amat malu untuk orang yang berakal menyatakannya. Antara kata-kata yang

¹⁷² *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 48.

¹⁷³ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 100.

sampai kepadamu bahawa daku mengkafirkan umat Islam kecuali bagi sesiapa yang mengikutiku serta kononnya daku mendakwa tidak sah pernikahan yang dilakukan sebahagian umat Islam. Betapa ajaibnya hal ini boleh keluar dari mulut orang yang berakal. Adakah yang menyatakannya seorang muslim, kafir mahupun orang gila?¹⁷⁴

Kedua: al-Syeikh Husin bin Ghannam.

Dalam menafikan tuduhan mengkafirkan kaum muslimin di sisi al-Syeikh al-Imam, bahkan sebaliknya al-Syeikh al-Imam pula yang dituduh kafir serta dihalalkan darahnya di kalangan sebahagian para penentang, beliau berkata:

Secara realiti, al-Syeikh al-Imam *rahimahullah* ketika zahirnya segala penentangan di segenap waktu serta tempat, sementara manusia pula tenggelam di dalam perlakuan dosa, maksiat serta cenderung ke arah melakukan penentangan dan menuruti hawa nafsu, beliau tidak pula tergesa-gesa menjatuhkan hukum. Selain itu tidak terlintas sama ada secara zahir mahu pun batin untuk mengkafirkan kaum muslimin yang terlibat di dalam perlakuan tersebut. Bahkan beliau mengambil sikap amat berhati-hati dalam menghadapinya.

Namun muncul golongan penentang dengan mengambil sikap mengkafirkan beliau serta pendokongnya di segenap lapangan dan tempat. Dan mereka tidak pula menetapkan bahawa apa yang mereka bawa itu merupakan fitnah serta pembohongan. Bahkan dengan keberanian serta penuh

¹⁷⁴ *Majmu'ah Muallafat al-Syeikh*, Jil. 5, hlm. 38.

pemerhatian mereka menjadikannya sebagai bahan penulisan serta perdebatan. Namun al-Syeikh al-Imam *rahimahullah* tidak pula memerintahkan pertumpahan darah atau pun pembunuhan terhadap majoriti dari golongan yang menurutinya hawa nafsu serta melakukan kesesatan.¹⁷⁵

Ketiga: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab:

Ada pun apa yang didustakan ke atas kami merupakan penutup kepada kebenaran. Ia seperti berikut:

"Tanpa sebarang keraguan kami mengkafirkan umat Islam sama ada yang berada di zaman ini mahu pun selainnya kecuali sesiapa yang menyokong kami. Kami tidak menerima janji setia (*bai'ah*) sesiapa pun kecuali setelah menghukumnya sebagai musyrik sebelum ia mengikat janji setia serta menetapkan bahawa kedua ibubapanya mati dalam keadaan menyegutukan Allah."

Maka sebagai jawapan terhadap persoalan ini: *Subhanaka Hadza Buhtanun 'Adhim* (Maha Suci Engkau Ya Allah!, ini merupakan suatu pembohongan besar).

Secara realiti sesiapa yang meriwayatkan demikian dengan menyandarkannya kepada kami, maka dia berdusta terhadap kami. Sesiapa yang menyaksikan keadaan kami atau pun menghadiri majlis kami maka dia akan dapati segala kenyataan tersebut merupakan hasil penipuan musuh-musuh agama serta rakan-rakan syaitan mereka.

¹⁷⁵ *Rhaudah al-Ifkar*, Jil. 1, hlm. 33.

Hakikatnya mereka cuba menghalangi manusia dari tunduk dengan ikhlas dalam mentawhidkan Allah dari sudut peribadatan serta meninggalkan perbuatan syirik dengan segala macamnya. Sudah termaklum bahawa Allah tidak mengampuni dosa syirik tetapi mengampuni dosa-dosa lainnya bagi sesiapa yang dikehendakinya.

Kami mempercayai bahawa sesiapa yang melakukan dosa-dosa besar seperti membunuh seorang muslim tanpa hak, berzina, memakan riba, dan minum arak, dia tidak terkeluar dari lingkungan Islam serta tidak kekal pembalasannya di dalam neraka sekiranya dia mati dalam mentawhidkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.¹⁷⁶

Tuan Syeikh ini menambah:

Adapun pengarang *al-Burdah* serta selainnya dimana perkataan-perkataan syirik boleh didapati menerusi lidah mereka dan juga golongan pelampau (*al-Ghulluw*) agama, apabila mereka mati tidak dihukumkan mereka itu kafir. Namun wajib ditolak kata-kata syirik mereka itu.

Selain itu perlu diperjelaskan bahawa sesiapa yang mempercayai kata-kata tersebut maka dia boleh terjerumus ke dalam kemusyrikan serta kekufuran. Adapun si-penuturnya, apabila dia meninggal dunia, kita serahkan perbuatannya kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ini kerana tidak diketahui sama ada dia mati dalam keadaan bertaubat atau tidak.¹⁷⁷

¹⁷⁶ *Al-Hidayah al-Saniyyah*, hlm. 40.

¹⁷⁷ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 1, hlm. 47.

Keempat: al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin Hamd.

Cucu kepada al-Syeikh al-Imam ketika ditanya tentang pembohongan ini berkata:

Ada pun persoalan kedua merujuk kepada kenyataan kamu: "Sesiapa yang tidak menyertai wilayah kekuasaan kamu, maka adakah dia dianggap kufur serta wajib diperangi?"

Dengan mengharapkan tawfiq Allah kami berkata: "Kami berkeyakinan sebagaimana yang diperintahkan Allah kepada kami, bahawa sesiapa yang menganut Islam dengan mematuhi titah-perintah Tuhannya serta menjauhi larangannya, dia seorang muslim yang terpelihara harta dan darahnya sebagaimana termaktub di dalam al-Qur'an, al-hadith dan ijma' kaum muslimin.

Kami tidak mengkafirkan sesiapapun di kalangan umat Islam walaupun dia tidak berada di bawah kekuasaan kami. Bahkan kami tidak mengkafirkan melainkan sesiapa yang kafir di sisi Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang mendakwa kami mengkafirkan manusia secara umum, atau mewajibkan berhijrah kepada kami bagi yang mampu berbuat demikian sedangkan dia dapat melaksanakan amalan agama di tempat sendiri maka dia seorang pendusta.¹⁷⁸

Kelima: al-Syeikh 'Abd. al-Latif b 'Abd. al-Rahman bin Hasan.

Dengan hujah yang kukuh beliau berjaya melenyapkan

¹⁷⁸ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 574.

tuduhan 'Uthman bin Mansur apabila dia memfitnah al-Syeikh al-Imam dengan tuduhan mengkafirkan kaum muslimin serta menghalalkan darah mereka. Di dalam *Misbah al-Zullamnya* dia berkata:

Ungkapan ini merupakan kenyataan yang amat tidak bertanggungjawab serta penuh dengan kebiadapan. Disebutkan di dalam hadith: **"Salah satu perkataan para Nabi yang dimiliki oleh orang ramai masa kini adalah: Jika kamu tidak memiliki rasa malu, maka lakukanlah apa saja yang diinginkan."**¹⁷⁹

Jelas menerusi ungkapan ini kononnya al-Syeikh al-Imam mengkafirkan seluruh kaum muslimin sejak lahirnya risalah kenabian hinggalah hari kiamat melainkan sesiapa yang mengikuti ajaran beliau. Tidak dapat digambarkan kenyataan ini muncul dari mulut orang yang berakal yang kononnya mengetahui kehidupan serta seruan dakwah al-Syeikh al-Imam.

Bahkan golongan pembuat *bid'ah* seperti *al-Qadariah*, *al-Jahmiyah*, *al-Rafidhah*, *al-Khawarij*, mereka tidak pula mengkafirkan keseluruhan umat Islam lain yang menyalahi pandangan mereka. Apa yang termaklum tentang al-Syeikh al-Imam, apa yang beliau perkatakan bukan merupakan sesuatu yang ganjil atau menyalahi pandangan umat Islam atau pandangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Sebaliknya beliau menyeru kaum muslimin ke arah Tawhid *al-Asma' wa al-Sifat* serta Tawhid *al-'Amal wa al-'Ibadat* yang tidak menyalahinya melainkan sesiapa yang keluar dari jalan serta manhaj *Ahl al-*

¹⁷⁹ *Sahih al-Bukhari.*

Sunnah wa al-Jamaah.¹⁸⁰

al-Syeikh 'Abd. al-Latif menambah :

al-Syeikh al-Imam *rahimahullah* merupakan tokoh agung yang amat menahan dirinya dari tuduhan kafir mengkafir. Ini terbukti dimana beliau sekali-kali tidak menetapkan kekafiran terhadap para penyembah atau pencinta kubur yang jahil yang menyeru kepada selain Allah atau kepada selain mereka apabila belum lagi datang kepada mereka hujah atau penerangan yang menjelaskan kekufurkan perbuatan mereka.¹⁸¹

Di dalam risalah lainnya, al-Syeikh 'Abd. al-Latif menambah:

al-Syeikh al-Imam tidak mengkufurkan perbuatan seseorang melainkan apa yang disepakati kaum muslimin kekufurannya daripada perbuatan syirik besar (*al-Syirik al-Akbar*), atau mengkufuri ayat-ayat Allah serta Rasul-Nya. Ini dilakukan setelah menyatakan hujah serta penerangan jelas terhadap kekufuran perbuatan tersebut seperti menyembah para wali serta berdoa kepada mereka di samping Allah dan melakukan sesuatu yang menyalahi *keulohiyahan* Allah sama ada dari sudut peribadatan mahupun selainnya.¹⁸²

Menurut al-Syeikh 'Abd. al-Latif lagi sesiapa yang mengetahui kehidupan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, dia akan mengerti bahawa beliau berlepas diri dari

¹⁸⁰ Hlm. 21. Lihat juga hlm. 22.

¹⁸¹ *Minhaj al-Ta'sis*, hlm.

¹⁸² *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 3, hlm. 5.

segala tuduhan kafir-mengkafir.

Setiap orang berakal yang mengetahui perjalanan hidup al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab tentu akan memahami bahawa beliau seorang tokoh ilmuwan Islam. Beliau amat menjaga dirinya dari perbuatan mengkafirkan, menghina serta mencaci-cela. Sebaliknya beliau di kalangan mereka yang menghormati serta memuliakan orang lain. Dalam hal ini, beliau tidak mengkufurkan seseorang pun melainkan sesiapa yang kufur di sisi Allah dan Rasul-Nya serta apa yang disepakati kaum muslimin terhadap kekufurannya seumpama mengabdikan diri kepada selain Allah, Tuhan sekalian alam.¹⁸³

al-Syeikh 'Abd. al-Latif dalam membatalkan tuduhan Dawud bin Jurjis terhadap isu kafir-mengkafir seterusnya berkata:

Adapun kenyataan Ibn Jurjis bahawa kami mengkafirkan manusia secara umum, serta mewajibkan berhijrah kepada kami bagi sesiapa yang mampu berbuat demikian bagi menzahirkan agamanya, bahawa kami mengkafirkan sesiapa yang tidak kafir serta membunuh sesiapa yang tidak halal dibunuh serta misalan selainnya, maka keseluruhannya adalah suatu pembohongan yang nyata. Ia bertujuan menjauhkan manusia dari agama Allah serta Rasul-Nya, *Subhanaka Hadha Buhtanun 'Adhim* (Maha Suci Engkau Ya Allah!, ini merupakan suatu pembohongan besar).¹⁸⁴

¹⁸³ *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 3, hlm. 449.

¹⁸⁴ Sila lihat *Tarikh Najd*, karangan al-Alusi, hlm. 52.

Keenam: al-Syeikh Salih bin Muhammad al-Syustri:

Adapun dakwaannya serta dakwaan para penentang semasa bahawa al-Syeikh al-Imam mengkafirkan secara umum, atau mengkafirkan pembuat dosa atau membunuh sesiapa yang tidak halal dibunuh, serta menghalalkan darah serta hartanya, maka sebagai jawapannya (kami berkata) *Subhanaka Hadha Buhtanun 'Adhim* (Maha Suci Engkau Ya Allah!, ini merupakan suatu pembohongan besar). Keseluruhan hasil karya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab berlepas diri dari dakwaan para penentang. Secara realiti, pegangan mazhab al-Syeikh al-Imam adalah madzhab *al-Salaf al-Soleh*".¹⁸⁵

Ketujuh: al-Sahsawani.

Dalam jawapannya terhadap pembohongan al-Syeikh *al-Kazb* (pendusta) Ahmad Zaini Dahlan kerana melemparkan tuduhan terhadap al-Syeikh al-Imam, beliau berkata:

Keseluruhan kenyataan ini merupakan pembohongan terhadap al-Syeikh al-Imam, bercanggah dengan apa yang diketahui tentangnya daripada eloknya agama, keilmuan serta pemikiran (al-Syeikh al-Imam).¹⁸⁶

al-Sahsawani menambah:

Sebahagian besar kenyataannya (Dahlan) penuh dengan kedustaan serta kenajisan. Maka janganlah engkau terpesona

¹⁸⁵ *Ta'yid al-Mulk al-Mannan*, helaian 54.

¹⁸⁶ *Siyannah al-Insan 'an Waswasah Dahlan*, hlm. 485.

dengan segala kejiikannya.¹⁸⁷

al-Sahsawani dalam menafikan tuduhan kafir-mengkafir yang diutarakan Dahlan berkata:

Secara realiti, al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya tidak mengkafirkan sesiapapun di kalangan kaum muslimin atau pun tidak mengiktirafkan keislaman mereka. Sebaliknya mereka tidak mengizinkan membunuh serta mencaci-maki sesiapa sahaja di kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jammah*. Betapa ramainya para ilmuwan yang mendokong perjuangan al-Syeikh al-Imam.

Daku mengkaji kitab-kitab mereka, namun tidak di dapati di dalamnya tuduhan para penentang bahkan ia hanya fitnah serta pembohongan sahaja.¹⁸⁸

Kelapan: Muhammad Rasyid Ridha:

Apa yang termaktub dalam kitab-kitab (para pendokong al-Syeikh al-Imam) menyalahi kenyataan para penentang. Secara realiti mereka tidak pun mengkafirkan melainkan apa yang disepakati kaum muslimin.¹⁸⁹

Kesembilan: al-Syeikh Sulayman bin Sahman.

Dalam mempertahankan al-Syeikh al-Imam serta berlepas diri terhadap tuduhan ini, beliau berkata:

¹⁸⁷ *Siyannah al-Insan 'an Waswasah Dahlan*, hlm. 486.

¹⁸⁸ *Siyannah al-Insan 'an Waswasah Dahlan*, hlm. 518.

¹⁸⁹ *Siyannah al-Insan 'an Waswasah Dahlan*, hlm. 518.

Apa yang diketahui tentang kehidupan al-Syeikh al-Imam, beliau berpegang teguh dengan ajaran Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*, para sahabat baginda *radhiyallahu 'anhum* serta *Salaf al-Ummah* dan para pemimpin mereka. Beliau tidak mengkafirkan melainkan sesiapa yang dikafirkan Allah serta Rasul-Nya dan menerusi persepakatan kaum muslimin terhadap kekafirannya.

Beliau beriman apa yang termaktub di dalam al-Qur'an serta al-Sunnah. Beliau meyakini amaran pengharaman menumpahkan darah kaum muslimin, mengambil harta benda serta memalingkan diri daripada mereka. Beliau sama sekali tidak mengizinkan hal demikian melainkan apa yang ditetapkan hukum syarak serta penetapan Rasulullah *sallallahu 'alayhi wa sallam*.

Sesiapa yang menyandarkan hal demikian kepadanya maka dia menyalahi penetapan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* di kalangan *Salaf al-Ummah* serta para pemimpinnya. Hakikatnya dia seorang pendusta".¹⁹⁰

Kenyataan al-Syeikh Sulayman bin Sahman di atas mirip kenyataan Ahmad al-Katalani pengarang *al-Sayyib al-Hattal* yang mengarangnya bagi mempertahankan al-Syeikh al-Imam dari pertuduhan kafir-mengkafir.¹⁹¹

¹⁹⁰ *Al-Asinah al-Haddad fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad*, hlm. 56-57.

¹⁹¹ Sila lihat *al-Sayyib al-Hattal fi al-Radd 'ala Syibh Ibn Kammal*, helaian 55-56.

Kesepuluh: Seorang ulama' Najd ketika mempertahankan al-Syeikh al-Imam dari serangan suratkhobar *al-Qiblah* yang menuduh golongan Wahabi berterusan mengkafirkan bapa-bapa serta datuk-nenek golongan terdahulu berkata:

Kenyataan ini mirip pembohongan sebelumnya. Sebagai penjelasan, dinyatakan bahawa sesiapa yang mati di kalangan golongan musyrik sebelum sampai risalah dakwah ini kepadanya, dia dijatui hukum sekiranya diketahui bahawa dia melakukan perbuatan syirik, meyakiniya serta mati di atas kemusyrikan. Secara zahir dia mati di atas kekufuran. Adapun secara hakikat, perbuatannya terserah kepada Allah.

Namun jika dia berpeluang menerima hujah serta bukti ketika dia hidup tetapi tetap membangkang, maka secara zahir dan batin dia dihukumkan kafir. Sekiranya dia tidak berpeluang menerima hujah serta bukti, maka urusannya kembali kepada Allah jua. Kami tidak menjatuhkan hukum kafir sekiranya tidak diketahui hal kehidupan serta kematiannya di atas landasan apa. Dengan itu terserah segala tindakannya kepada Allah. Sesiapa yang menyandarkan selain apa yang kami nyatakan ini, maka dia berdusta terhadap kami. Cukuplah Allah sebaik-baik *Wakil*.¹⁹²

Kesebelas: al-Syeikh Muhammad bin 'Uthman al-Syawi.

Dalam *al-Qawl al-Asad* beliau mengulas pembohongan ini dengan berkata:

Secara realiti, kami tidak mengkufurkan secara umum,

¹⁹² *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, Jil. 4, hlm. 835.

kami tidak mengkufurkan seseorang melainkan setelah jelas bukti kukuh terhadap kekufurannya. Antaranya perbuatan mengabdikan diri serta berdoa selain dari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang tidak berupaya mendatangkan sesuatu manfaat atau mudarat jua pun.¹⁹³

Keduabelas: al-Qasimi.

Dalam serangannya terhadap golongan *al-Rafidhoh* menerusi kitabnya *al-Sarra'*, beliau berkata:

Sesuat yang amat ajaib dimana suatu kaum memperolok-olokkan serta mencaci-maki sesuatu kaum yang lain. Ia merujuk kepada golongan *Syi'ah* yang berterusan melemparkan tuduhan terhadap *Ahl al-Sunnah* di kalangan para pengikut al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dengan tuduhan mengkafirkan serta menghalalkan darah serta harta-benda kaum muslimin.

Sebaliknya golongan *Syi'ah*lah berkempen ke sana ke mari mengkafirkan kaum muslimin khususnya golongan terbaik di kalangan umat ini iaitu para sahabat *radiyallahu 'anhum* sehingga menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam. Di antara tokoh para sahabat yang dikafirkan ialah *al-Siddiq*, 'Umar, 'Uthman, 'Aisyah, Mu'awiyah serta selainnya *radiyallahu 'anhum*¹⁹⁴.

Kesimpulannya, al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd.

¹⁹³ *Al-Qawl al-Asad fi al-Radd 'ala al-Khasm al-Alad*, helaian 5.

¹⁹⁴ *Al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyah*, Jil. 1, hlm. 348. Secara ringkasan.

al-Wahhab serta para pengikut dan pendukung seruan dakwahnya terlepas diri dari segala pembohongan serta unsur fitnah yang dilemparkan para penentang menyangkut isu kafir-mengkafir. Sepanjang pembacaan serta penelitian terhadap hasil karya mereka menunjukkan betapa sejahtera pegangan serta kefahaman mereka terhadap isu kafir-mengkafir. Secara realiti pegangan mereka adalah pegangan *al-Salaf al-Salih*.¹⁹⁵

¹⁹⁵ **Penterjemah:** Sehingga sini tamatlah Buku 2 yang merupakan terjemahan dari kitab asal hingga mukasurat 177. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengurniakan kekuatan serta kemudahan kepada saya untuk menyambung usaha terjemahan ini dan diterbitkan dalam Buku 3.